



Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

SALAM AIDILFITRI

Maaf Zahir & Batin 2017/1438H



buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com

PERCUMA



16 – 30 JUN, 2017



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

Pulau Pinang tidak 'gagal', kedudukan kewangan diiktiraf sihat, catat lebihan kewangan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pentadbirannya sempena Aidilfitri kali ini masih mampu memberikan 'bonus raya' 0.75 bulan gaji dengan kadar minimum RM1,000, sungguhpun digambarkan sebagai 'negeri yang gagal' oleh pembangkang Pulau Pinang.

"Sekiranya kita (Pulau Pinang) 'negeri yang gagal', mengapa mampu membayar bonus sekali ganda lebih besar berbanding Kerajaan Pusat yang hanya membayar (bonus raya) tunai RM500 sahaja," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, gambaran Pasukan Komunikasi Strategik BN berjudul 'Apakah P Pinang bakal jadi negeri gagal, soal BN' dalam portal berita Malaysiakini 11 Jun lalu adalah tidak berasas sama sekali.

Kedua katanya, Pulau Pinang bukanlah 'negeri yang gagal' kerana rekod kewangan Kerajaan Negeri hari ini berada pada tahap sihat, sehingga mendorong Negara China sendiri melalui *China Exim Bank* menawarkan pinjaman modal.

Sehingga 31 Disember 2016, menurut Guan Eng, RM64.72 juta baki pinjaman belum selesai Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan menyamai 0.4 peratus sahaja, berbanding rekod hutang terbanyak empat negeri dikuasai Barisan Nasional (BN) seperti Pahang (RM3,116.91 juta/17.6 peratus); Sabah (RM2,828.25 juta/16.0 peratus); Sarawak (RM2,572.40 juta/14.5 peratus) dan Kedah (RM2,460.57 juta/13.9 peratus). (Rujuk Lampiran A).

"Kalaupun negara China mahu meminjam wang, mereka akan meminjamkan kepada sebuah negara, iaitu Malaysia.

"Mereka (negara China) tidak akan meminjamkan wang kepada syarikat-syarikat, maka syarikat-syarikat tidak boleh memohon, mesti 'negara dengan negara' (G To G).

"Pulau Pinang bukanlah Kerajaan Persekutuan, tapi hanya Kerajaan Negeri, maka kita (Kerajaan Negeri) tiada hak untuk meminjam kecuali negara China sendiri ada minat pada negeri Pulau Pinang untuk menawarkan pinjaman ini," responsnya sambil menyanggah dakwaan pembangkang kononnya Pulau Pinang 'negeri yang gagal'.

Selain itu, Guan Eng menyatakan bahawa, **lebihan kewangan Kerajaan Negeri** saban tahun bukanlah bergantung pada premium hasil jual tanah semata-mata, seperti digambarkan pembangkang.

Menurutnya, terimaan hasil penjualan tanah Kerajaan Negeri sehingga tahun 2015 keseluruhan direkodkan sebanyak RM658 juta (RM657,653,691.91), sedangkan Keseluruhan Hasil Negeri sehingga tahun 2015 berjumlah RM4.9 bilion (RM4,946,918,428.64). (Rujuk Lampiran B).

Tambah beliau,

Perbelanjaan Mengurus Sebenar dalam tempoh tahun 2008 hingga 2015 pula adalah sebanyak RM4.3 bilion (RM4,367,978,440.90); menjadi lebihan kewangan (surplus) yang berjaya diperoleh oleh Kerajaan Negeri hari ini adalah sebanyak RM579 juta (RM578,939,987.74).

"RM658 juta (hasil premium tanah) kerana yang bakinya dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah tahun demi tahun mengikut jadual pembayaran.

"Walaupun yang diterima RM658 juta, tapi jangan lupa bahawa RM500 juta disalurkan sebagai dana Tabung

Rumah Awam & Mampu Milik; baki (daripada hasil jual tanah) sebanyak RM158 juta (RM157,653,691.91) hanya 3.18 peratus daripada keseluruhan Hasil Negeri (RM4.9 bilion).

"Walaupun RM826 juta (RM825,881,481.01) Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2015 adalah bertambah berbanding tahun 2014 (sejumlah RM745,541,768.41), tetapi saban tahun Kerajaan Negeri masih mencatatkan lebihan kewangan.

"Ini menunjukkan kedudukan kewangan kita (Kerajaan Negeri

Pulau Pinang) adalah sihat dan ini diakui dalam Laporan (Tahunan) Ketua Audit Negara," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Berbanding negeri-negeri lain, Guan Eng berkata, beliau percaya **kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini adalah terbaik di Malaysia.**

(Bersambung di muka 15).

Minions, Gru gamatkan Aidilfitri di Dataran Pemuda Merdeka

HADIAH RAYA...

Bagi peminat Minions dan Gru, jangan lepaskan peluang menggamatkan Aidilfitri bersama-sama watak daripada filem animasi *Despicable Me 3* di padang Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth mulai 22 Jun sehingga 3 September ini.

Alami keseronokan *Despicable Me 3* seisi keluarga sambil berswafoto di pameran 'pop-up' termasuk melihat sendiri Minions gergasi, Bob setinggi 15 kaki, terowong sepanjang 60 kaki serta menikmati warna-warni bunga-bunga yang disusun seluas 32 x 20.5 kaki mengikut watak Stuart.

Nantikan juga penampilan istimewa maskot Minions dan Gru pada 1 Julai, 9.30 malam semasa peluncuran *Despicable Me 3 Dome* yang mempamerkan watak-watak Minions semasa menjelajah ke Tapak Warisan



KETUA MENTERI DAN BARISAN KEPIMPINAN KERAJAAN NEGERI merakam gambar bersama-sama maskot Minions dan Gru pada majlis sidang media di sini baru-baru ini. (Gambar : ALISSALA THIAN).

Dunia George Town.

Juga, tayangan istimewa siri *Despicable Me* dan *Despicable Me 2* pada setiap hari Jumaat dan Sabtu mulai 8 malam.

Jangan lepaskan peluang, alami keseronokan *Despicable Me 3* di Pulau Pinang.

Maklumat lanjut, layari Facebook *Penang Global Tourism*.

Sambutan Bulan-bulan al-Quran harap dimanfaatkan, wujud masyarakat harmoni - Exco Agama

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

BAYAN LEPAS - Pengisian pelbagai program ilmiah dan keagamaan sepanjang sambutan Bulan-bulan al-Quran diharap dapat melahirkan masyarakat Islam berkualiti daripada aspek fizikal dan kerohanian.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, bagi menghidupkan Bulan-bulan al-Quran, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun ini telah memperuntukkan perbelanjaan hampir RM350,000 dalam menjayakan sambutan tahun kesembilan ini.

"Sambutan Bulan-bulan al-Quran ini diadakan selama tiga bulan bermula pada bulan Rejab, Syaaban hingga ke Ramadan.

"Program-program yang dianjurkan ini mendapat sambutan cukup menggalakkan dari masjid, anak-anak kariah, penuntut institusi-institusi terpilih dan agensi-agensi yang terlibat sama.

"Pelbagai program diadakan sebagai pengisian Bulan-bulan al-Quran ini, seperti hafazan, *talaqi al-Quran* untuk kanak-kanak dan remaja, *tahsin al-Quran* untuk imam

dan bilal, celik al-Quran di sekolah-sekolah terpilih, kelas bahasa Arab serta Seminar al-Quran yang diadakan pada 20 Mei lalu dengan tajuk Memahami Konsep Jihad, Persepsi dan Realiti," ucapnya pada Majlis Sambutan Nuzul al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1438H/2017M dekat Masjid al-Huda di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Datin Norazizah Harun; Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Pulau Pinang) dan Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang) hadir sama pada majlis sambutan tersebut.

Selain itu, sambutan Bulan-bulan Al-Quran turut dihiasi dengan Program Jelajah Ibrah al-Quran yang dijayakan penceramah terkenal, Ustaz Don Daniyal dengan tajuk Cetusan Cinta Dari al-Quran hasil kerjasama sembilan masjid dan 10 institusi di Pulau Pinang.

Justeru, Abdul Malik berharap program-



PARA hadirin saling bersalaman dengan Dr. Abdul Rahman Abbas yang diiringi Abdul Malik Abul Kassim dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Sambutan Nuzul al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1438H/2017M di sini baru-baru ini.

program ilmiah yang dianjurkan dapat memanfaatkan sepenuhnya seluruh masyarakat Islam di Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga berharap

program-program ini akan mewujudkan masyarakat yang harmoni melalui penghayatan al-Quran secara holistik dalam kehidupan," ujarnya.

PDRM, ATM terima sumbangan Aidilfitri tanda penghargaan

JASAMU DIKENANG... Bagi mengenang pengorbanan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang meneruskan tradisi menyampaikan sumbangan wang sempena sambutan Aidilfitri kepada kedua-dua pasukan keselamatan berkenaan di sini baru-baru ini.

Pemberian tahunan tersebut adalah sebagai pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap jasa PDRM dan ATM dalam

menjamin serta mengekalkan tahap keselamatan di Malaysia dan Pulau Pinang khususnya.

Majlis penyampaian sumbangan cek masing-masing bernilai RM10,000 tersebut disampaikan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

PDRM diwakili oleh Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Chuah Ghee Lye, manakala, ATM, Leftenen Kolonel Mohd.

Yusoff Nor (Ketua Staf Markas 6 Briged).

Dalam pada itu, Ghee Lye mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam meneruskan pemberian sumbangan kepada PDRM Pulau Pinang.

"Sumbangan ini akan memberi rangsangan kepada para pegawai dan semua anggota untuk menjalankan tugas dengan lebih baik," ujarnya.

Nada sama turut disuarakan Mohd. Yusoff di atas sumbangan berkaitan.



KETUA Menteri beramah-mesra dengan Mohd. Yusoff Nor sambil diperhatikan oleh Chuah Ghee Lye pada majlis penyampaian sumbangan sempena sambutan Aidilfitri kepada PDRM dan ATM negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



Salam Aidilfitri
Dari padah Seluruh Warga Buletin Mutiara 2017
Oleh : ME
Maaf Zahir & Baatin

Pelaburan RM1 billion Hotayi ke Batu Kawan, sedia kira-kira 1,000 peluang pekerjaan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BUKIT TAMBUN - RM1 bilion pelaburan lanjutan Hotayi, syarikat semi-konduktor dari Taipei, Taiwan di Taman Perindustrian Batu Kawan bukan sahaja memberi manfaat kepada Pulau Pinang, malah buat Malaysia juga.

Justeru, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) kerana bertungkus-lumus membawa pelaburan langsung asing (FDI) ke negeri ini.

"Bukan selalu pelaburan sebanyak RM1 bilion ke Pulau Pinang, terutama dari Taiwan, tentunya pembukaan industri Hotayi ini akan menyediakan kira-kira 1,000 lagi peluang pekerjaan, ketika Kerajaan Negeri hari ini sedang meneroka Revolusi Perindustrian 4.0."

"Ini bukan sahaja bagus untuk Pulau Pinang, malah untuk Malaysia juga," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam dalam Majlis Pecah Tanah Industri Hotayi Electronic (M) Sdn. Bhd. dekat Simpang Empat di sini baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Hotayi Malaysia, Datuk Lee Hung Lung; wakil Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei ke Malaysia, James Chang Chi Ping dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Phang Ah Tong turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang yang juga Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang; ADUN Jawi, Soon Lip Chee; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraaani; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Rosli Jaafar; Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian dan Pengarah MIDA Pulau Pinang, Azhana Mohd. Saleh.

"Bukan sahaja dikagumi dengan pelaburan lanjutan sejumlah RM1 bilion, malah mereka (Hotayi) memberitahu



KETUA Menteri, Lee Hung Lung (tujuh dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil Hotayi serta MIDA pada Majlis Pecah Tanah Industri Hotayi Electronic (M) Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

bahawa hasil jualan keseluruhan turut meningkat berganda-ganda.

Sebelum itu, Ah Tong memberitahu, Kerajaan Malaysia giat mempromosikan tiga sektor utama termasuk elektrik & elektronik (E&E) di tanah air ini, seperti di Pulau Pinang.

"Tiga sektor yang Kerajaan Malaysia begitu agresif mempromosi termasuk di Pulau Pinang adalah salah satunya sektor E & E yang merupakan tulang belakang kepada ekonomi Malaysia, yang menyumbang 36.6 peratus daripada keseluruhan kira-kira 44.6 peratus keseluruhan eksport pembuatan," ujarnya.

Manakala, menurut Hung Lung, **Hotayi membuat**

pelaburan lanjut RM1 bilion kerana yakin dengan perspektif pelaburan dan ekonomi di Pulau Pinang, yang kian meningkat.

"Pada hari ini, Hotayi sekali lagi membuat batu loncatan yang besar selepas 25 tahun, kita mula ke arah industri pintar 4.0," jelasnya.

Chi Ping menyatakan bahawa pelaburan Taipei ke Malaysia ketika ini kira-kira 12 bilion Dolar Amerika Syarikat.

"Bagi kami, Malaysia adalah salah satu negara rakan baru untuk pelaburan lanjutan masa depan dari Taiwan," jelas beliau.

Exco umum lulus RM19,630 bina semula tembok bata Taman Soon Boon Kee

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang meluluskan RM19,630 untuk pembinaan semula tembok bata kawasan kediaman Taman Soon Boon Kee yang dimohon oleh penduduk setempat, manakala badan pengurusan bersama (JMB) bersetuju membiayai baki 60 peratus kos projek tersebut berjumlah RM29,445.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, peruntukan yang diluluskan di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang (TPM80PP) tersebut adalah kali kedua, selepas Kerajaan Negeri dalam kiraan nisbah 80:20 meluluskan dana RM50,000 pada tahun 2014 untuk membaik pulih sistem lif satu blok kediaman rumah pangsa di sini.

"Tidak semestinya semua permohonan di bawah TPM80PP akan mendapat kelulusan peruntukan maksimum 80 peratus, melainkan benar-benar kritikal sahaja.

"Seperti dalam projek (membina semula tembok bata) di kawasan kediaman ini, atas risiko boleh runtuh dan membahayakan penduduk di sini, kita (Kerajaan Negeri) meluluskan 40 peratus sahaja daripada keseluruhan kos projek sebanyak RM49,075," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Pengurusi JMB Blok 33 Taman Soon Boon Kee, P. Kumarasamy, 53, di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, sehingga kini, 20 permohonan TPM80PP bernilai RM2,681,379.88 telahpun diluluskan, manakala baki 13 projek serupa bernilai kira-kira RM3,800,391.80 masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.

"Bajet TPM80PP untuk tahun ini hanya RM2.8 juta, selain tambahan RM1 juta lagi daripada HAPPY! (Tabung Bantuan Perumahan Pulau Pinang), menjadikan keseluruhan peruntukan saya bagi tujuan penyelenggaraan serta membaik pulih rumah pangsa yang layak adalah sebanyak RM3.8 juta.

"Jumlah sebesar (RM3.8 juta) ini sebenarnya masih tidak mencukupi untuk membiayai projek-projek yang diterima sehingga Jun 2017.

"(Keseluruhan dana TPM80PP yang diperlukan sebanyak) RM6,481,771.68 sahaja, dan kita (Kerajaan Negeri) masih mempunyai enam bulan untuk memenuhi keperluan permohonan TPM80PP untuk tahun ini," katanya sambil memberitahu bahawa pihaknya menulis surat rasmi memohon peruntukan tambahan TPM80PP kepada Ketua Menteri dalam tempoh terdekat.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep sekali lagi mendakwa bahawa Kerajaan Persekutuan seakan-akan tiada dana memandangkan peruntukan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi tahun 2016 didedah menyusut sebanyak 92.5 peratus menjadi RM3.98 juta berbanding tahun sebelumnya.

Menurut beliau, sejumlah RM32.82 juta diperuntukan ketika pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya memperkenalkan skim TP1M pada tahun 2013, diikuti, RM46.49 juta (2014), RM50.73 juta



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) bersama P. Kumarasamy (dua dari kanan) ketika meninjau kawasan kediaman Taman Soon Boon Kee di sini baru-baru ini.

(2015) dan menjunam 92.5 peratus menjadi RM3.98 juta pada tahun 2016.

"Adakah Kerajaan Pusat sudah tidak ada duit, sekurang-kurangnya salurkan peruntukan dana TP1M ke negeri-negeri yang dikuasai Umno Barisan Nasional (seperti) Kedah, Kelantan, Perlis, Sarawak, Terengganu, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan, jika terus mahu menganaktirikan Pulau Pinang," tegas beliau.

Kompleks pasar dan makanan berwajah baharu, sewa tetap kekal - KM

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : SHUM JIAN-WEI

BAYAN LEPAS – Pembangunan serta naik taraf kompleks pasar dan makanan dengan ruang niaga lebih moden serta komprehensif merupakan inisiatif Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membantu peniaga-peniaga kecil menjalankan perniagaan dalam ruang yang lebih selesa.

Chow Kon Yeow berkata, sejak beliau memegang portfolio sebagai Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, **sejumlah 24 projek naik taraf telah dijalankan, manakala projek menaik taraf Pasar Lebuh Campbell masih dalam peringkat perancangan pembinaan.**

"Dalam tempoh ini juga, kita dapat ramai penjaja-penjaja tanpa lesen telah menerima peluang yang lebih baik untuk menjalankan aktiviti perniagaan masing-masing secara sah dan berlesen.

"Tetapi, adalah menjadi cabaran buat PBT apabila ada segelintir peniaga-peniaga di tepi jalan (tidak mempunyai lesen sah) ini enggan masuk (menjalankan) perniagaan di dalam kompleks yang disediakan hanya kerana di lokasi asal (tepi jalan) mereka dapat jalankan perniagaan secara pandu lalu.

"Justeru, kita harap penjaja faham akan



KETUA MENTERI, Chow Kon Yeow (enam dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar di hadapan bangunan Kompleks Pasar dan Makanan Pagar Buloh, Sungai Ara pada majlis perasmianya di sini baru-baru ini.

hasrat Kerajaan Negeri yang bersusah-payah menyediakan segala kemudahan canggih dan moden hanya untuk mereka menjalankan perniagaan secara lebih teratur," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota sempena Majlis Perasmian Kompleks Pasar dan Makanan Pagar Buloh di Sungai Ara di

sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP), Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya MBPP), Datuk Ooi Kee Liang

(Pengarah Kumpulan Ideal Property, Ideal) dan wakil Koperasi Tunas Muda Sdn. Bhd. (Tunas Muda) turut hadir pada majlis tersebut.

Kos pembangunan pasar berkenaan adalah bernilai RM27 juta iaitu RM17 juta kos tanah disumbangkan oleh Tunas Muda, dan kos bangunan (RM10 juta) di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ideal.

Kos-kos tersebut adalah meliputi kerja-kerja reka bentuk, harga tanah, binaan bangunan merangkumi 25 gerai makanan, 44 gerai bagi unit pasar dan satu dewan serba guna yang dapat memberi manfaat kepada penduduk di *Golden Triangle* bahagian pulau ini.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucapannya menyatakan bahawa, sejak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang memegang tumpuk pemerintahan negeri pada tahun 2008, transformasi bukan sahaja dilakukan di bahagian atasan, sebaliknya ia dimulakan di peringkat akar umbi seperti pasar dan kompleks makanan.

"Sejak tahun 2008, MBPP telah membelanjakan lebih RM50 juta untuk tujuan naik taraf ini. Jumlah ini tidak termasuk projek membina dan menaik taraf di bawah tanggungjawab pihak swasta.

"Apa yang pasti, walaupun pasar dan kompleks ini berwajah baharu, kadar sewa tetap kekal," ujarnya.

RM1.73 juta naik taraf Pasar Awam Taman Berjaya sejak 2013

JAWI - Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) membelanjakan RM1.73 juta bagi menaik taraf Pasar Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal (sejak 2013) yang sebelum ini tidak pernah dinaik taraf kerajaan (Kerajaan Negeri Barisan Nasional, BN) terdahulu.

Katanya, kali pertama ianya dinaik taraf adalah pada tahun 2013 melibatkan dana RM1.468 juta.

"Hasil daripada Jelajah Sedia Mendengar pada 13 Oktober 2016, sebanyak RM199,964 disalurkan lagi bagi projek menaik taraf bumbung tambahan antara kompleks makanan dan minuman serta bangunan tinggi yang menjual barang-barang plastik dekat Pasar Awam Taman Berjaya.

"Saya difahamkan, bumbung baharu yang dinaik taraf ini adalah agak luas iaitu 11.1 meter (lebar) kali 45 meter (panjang) bagi menempatkan lebih banyak peniaga.

"Selain itu, pemasangan metal deck juga akan dijalankan dengan melibatkan

kos RM50,000 dan lain-lain naik taraf lagi," katanya pada Majlis Perasmian Bumbung Tambahan Gerai Penjaja Pasar Awam, Taman Berjaya, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Maktar Shapee; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee; Setiausaha Perbandaran bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Turut dirasmikan pada majlis sama, mural bertemakan pengasingan sisa di punca berhampiran pasar tersebut.

Guan Eng dalam pada itu juga berjanji akan berbincang dengan MPSP untuk menambah kapasiti parkir di kawasan tersebut yang dikatakan tidak mencukupi.

"Sekarang ada 112 petak parkir dan dua untuk orang kurang upaya (OKU), dan kita akan tengok bagaimana serta bincang dengan MPSP," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.



RUPA bentuk Pasar Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal.

Lip Chee dalam pada itu ketika berucap memberitahu, Pasar Awam Taman Berjaya yang menyediakan 259 petak perniagaan merupakan pasar

penting bagi kawasan Nibong Tebal kerana ia turut menerima kunjungan dari penduduk Parit Buntar, Perak.

"Sebagai wakil rakyat, saya

juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang ambil perhatian kepentingan penduduk di sini," ujarnya.

Penyelia, guru agama terima 'bonus raya' tanda penghargaan

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menyerahkan cek Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2017 berjumlah RM650,400 kepada penyelia dan guru agama pelbagai kategori di negeri ini, sebagaimana menjelang musim perayaan Aidilfitri pada tahun-tahun sebelum ini.

Guan Eng berkata, jumlah (RM650,400) tersebut merupakan tambahan kepada BKK berjumlah RM15.55 juta yang telah diberikan kepada guru-guru agama terlibat sejak tahun 2008 hingga 2016. Bantuan seperti ini tidak pernah diberikan langsung oleh Kerajaan Negeri sebelum ini.

"Sebagai menghargai sumbangan dan tanda penghargaan Kerajaan Negeri, kita (Kerajaan Negeri) telah bersetuju memberikan BKK sebanyak RM300 kepada 1,527



KETUA MENTERI dan Abdul Malik Abul Kassim (lima dari kanan) bergambar bersama-sama penyelia dan guru agama pelbagai kategori pada Majlis Pemberian BKK di sini baru-baru ini.

guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), Penyelia KAFA (13), guru Sekolah Rendah Agama Rakyat (247) dan guru Sekolah Menengah Agama Rakyat (207). "Manakala, bagi 202 guru Maahad Tahfiz, guru sekolah pondok (28) dan guru Tadika Islam (TADIS, 31), masing-

masing menerima sebanyak RM200.

"Diharap bantuan khas ini akan membantu semua warga pendidik terlibat meringankan beban mereka dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat serta membuat persiapan raya," ujarnya pada

Majlis Pemberian BKK di sini.

Turut serta, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Menurut Guan Eng, sejak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang memerintah negeri berlandaskan prinsip CAT

Zuraida gembira 37 tahun masalah tekanan air rendah rumah pangsa Blok 74 ditangani Kerajaan Pakatan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

PANTAI JEREJAK - Sejak 1980, isu tekanan air terlalu rendah merupakan antara cabaran utama bagi semua penduduk yang menghuni 30 unit kediaman pangsa kos rendah lima tingkat di Blok 74 Jalan Tengah dekat Bandar Bayan Baru di sini.

Bagaimanapun, **ZURAIDA ABDUL RAHIM**, 61, yang bermastautin di sini ketika ditemui melahirkan rasa gembira kerana masalah malar segar itu telahpun ditangani oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.

"37 tahun lalu, semasa makcik dan pakcik tinggal di sini, anak sulung masih belum berumur setahun lagi.

"Tekanan air rendah sepanjang masa tidak kira pada awal pagi waktu sebelum ke tempat kerja atau tengah hari atau petang sampai ke tengah malam."

"Selepas 37 tahun tinggal di sini langsung tidak dibaik pulih seperti tangki air dan sebagainya, sudah dibaik pulih sekarang," katanya yang ditemui dalam Majlis Penyerahan Rasm Penyiapan Kerja-kerja Pengecatan Semula dan Pembaikan Kritis Blok 74 Jalan Tengah di sini baru-baru ini.

Zuraida

dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Timbalan Ketua Menteri I kerana membentuk projek pengindahan dan reka bentuk landskap kediaman di kawasan flat berkenaan.

Pengerusi Badan Pengurusan (MC) Persatuan Penduduk Blok 74 Jalan Tengah, Thomas Devas pula merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kerana membentuk 80 peratus kos projek tersebut.

"PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) telah menanggung 80 peratus kos penyelenggaran dan cat semula bangunan rumah pangsa Blok 74 ini.

"Rakyat semakin bijak, dan akan menyokong Kerajaan yang membuktikan keprihatinan serta berjiwa rakyat," jelasnya.

Ketika berucap, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri hari ini membentuk 80 peratus kos projek tersebut sebenarnya berdasarkan teori ekonomi 80:20 'Prinsip Pareto'.

"Prinsip Pareto ini bukan sahaja membuktikan sebuah Kerajaan Negeri melalui PDC mengambil tanggungjawab membentuk 80 peratus kos projek, malah penduduk juga akan memulihara kemudahan serta keindahan di kawasan berkaitan kerana mereka juga menanggung baki 20 peratus kos projek berkaitan."

"Inilah projek pengecatan ke-14 yang telah disiapkan oleh PDC sehingga Mac ini...kerja-kerja penyelenggaran seakan-akan telah menjadikan bangunan ini rumah



RUPA bentuk terkini rumah pangsa Blok 74 Jalan Tengah, Bandar Bayan Baru di sini.

pangsa baru," ujarnya.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo turut berucap pada majlis itu, selain Mohd. Rashid dan Thomas.

Hadir sama, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Difahamkan, kos keseluruhan projek pengecatan dan kerja-kerja penyelenggaran kritis seperti pembaikan bumbung, tangki air, penggantian surface water pipe serta waterproofing menelan belanja sejumlah RM93,310.

Namun, Guan Eng memberitahu, projek pengecatan sahaja menelan belanja RM40,500, iaitu 80 peratus atau RM32,400 dibiayai oleh PDC dalam bentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan baki 20 peratus lagi (RM4,050) ditanggung oleh MC masing-masing.

Nisbah tanggungan bagi kerja-kerja penyelenggaran sahaja adalah 80:10:10, iaitu 80 peratus membabitkan Kerajaan Negeri, manakala baki 10 peratus lagi masing-masing ditanggung Kerajaan Negeri dan MC.

Hasrat pertimbang pinjaman wang dari China dalam pengetahuan Kementerian, respons Kon Yeow

GEORGE TOWN - Hasrat Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini untuk mempertimbang tawaran pinjaman wang dari negara China melalui *China Exim Bank* sebenarnya berdasarkan syor Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri serta dalam pengetahuan Kementerian Kewangan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberi respons sedemikian, sambil menyelar pihak tertentu yang cuba menzahirkan keraguan terhadap hasrat Kerajaan Negeri tersebut.

"Kita pernah menulis sepucuk surat untuk mendapatkan sokongan daripada Kerajaan Pusat berkaitan isu ini pada 5 Februari 2015, namun surat itu hanya dibalas pada Ogos 2016."

"Balasan surat tersebut mengkehendaki Kerajaan Negeri mengkaji secara mendalam tentang cadangan tersebut agar ianya selari dengan Artikel 111 (2) Perlembagaan Negara."

"Surat tersebut turut diakhiri dengan pihak kementerian memohon Kerajaan Negeri supaya menghantar contoh kertas cadangan berkaitan untuk penilaian pihak kementerian," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Kon Yeow berkata, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng pada sesi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketiga Belas Mei lalu turut menjelaskan perkara yang sama ketika membentangkan suatu rang undang-undang berwajib demi memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri dalam melakukan pinjaman dari bank berkaitan.

"Perkara tersebut juga tidak dibantah oleh pihak Kementerian Kewangan mahupun wakil-wakil rakyat daripada pembangkang pada sidang DUN baru-baru ini."

"Orang ramai tidak perlu bimbang, dalam apa juga keputusan Kerajaan Negeri, kita akan lakukan yang terbaik selaras dengan mandat yang diberikan oleh rakyat mengikut lunas undang-undang dan dasar Cekap, Akuntabel dan Telus (CAT)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.



ZURAIDA Abdul Rahim.

(Cekap, Akuntabiliti, Telus), lebihan belanjawan dicatatkan setiap tahun dengan jumlah terkini sebanyak RM578 juta dalam tempoh lapan tahun (2008 hingga 2015).

"Ia adalah jauh beza dengan lebihan RM373 juta yang dikumpul kerajaan era Barisan Nasional (BN) selama 50 tahun (1957 hingga 2007).

"Hasil lebihan belanjawan setiap tahun tersebut telah membolehkan Kerajaan Negeri memberikan BKK. Kita (Kerajaan Negeri) nak pastikan semua lapisan rakyat mendapat sedikit imbuhan."

"Malah, jumlah peruntukan Hal Ehwal Agama Islam juga telah naik 84 peratus kepada RM457.05 juta untuk tempoh 2008 hingga 2016, berbanding RM249.09 juta pada tempoh sama (1999 hingga 2007)," jelas beliau.

Penjawat awam perlu tunjuk keghairahan, kesungguhan dalam tugas – KM

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : SHUM JIAN-WEI

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru semua anggota perkhidmatan awam supaya menjalankan tanggungjawab dengan penuh kesungguhan dan keghairahan bagi menghasilkan prestasi kerja yang baik.

Katanya, sumbangan penjawat awam adalah penting dalam menjayakan agenda pembangunan negeri, justeru setiap anggota perkhidmatan awam perlu memberikan sumbangan penuh tanggungjawab dan amanah serta 'ghairah' dalam melakukan kerja.

"Sekiranya anda (penjawat awam) tidak ghairah dalam berkerja, susah untuk anda menjalankan kerja.

"Keghairahan dalam kerja adalah penting, sekiranya ini (keghairahan) tak ada, maka susahlah untuk melihat prestasi.

"Mengikut Prinsip Pareto, dalam apa jua bidang, biasanya 80 peratus kerja ataupun sumbangan dibuat oleh 20 peratus pekerja sahaja.

"Saya percaya konsep ini kalau kita nilai dan ukur pun terpakai juga dalam perkhidmatan awam. Dan inilah yang cuba kita ubah, sekiranya prestasi yang kita lihat hari ini disumbangkan oleh 20 peratus pekerja, maka kita perlu perbanyakkan lagi penggerak.

"Dan inilah skim yang telah dirangka oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, iaitu kita mahu semua penjawat awam menjadi pekerja baik, dengan 'kehadiran' sebagai perkara paling asas yang perlu dipatuhi,"



KETUA MENTERI DAN BARISAN KEPIMPINAN KERAJAAN NEGERI BERGAMBAR KENANGAN BERSAMA-SAMA ANGGOTA-ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PADA MAJLIS PERHIMPUNAN BERSAMA-SAMA KETUA MENTERI DI SINI BARU-BARU INI.

ucapnya pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama-sama Ketua Menteri sambil merujuk kepada syarat-syarat dikenakan bagi melayakkkan seseorang penjawat awam negeri menerima tambahan Bantuan Khas Kewangan (BKK) sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 0.25 bulan gaji yang diumumkan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Pada 9 Jun lalu, Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan bayaran BKK berjumlah 0.75 bulan gaji atau minimum RM 1,000 kepada semua anggota perkhidmatan awam negeri. Bayaran BKK dipecahkan kepada dua, iaitu 0.5 bulan gaji kepada semua penjawat awam yang tiada rekod disiplin.

Manakala, tambahan 0.25 bulan gaji akan

diberikan kepada mereka yang mempunyai prestasi memuaskan seperti tidak mengambil cuti sakit swasta melebihi satu hari, kad perakam waktu kekal berwarna kuning untuk tempoh enam bulan dan tidak diluluskan Cuti Sakit Tambahan dari tempoh 1 Januari sehingga 15 Jun 2017.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), barisan Exco-exco Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Sarul Bahiyah Abu (Pegawai Kewangan Negeri), Datuk Anas Ahmad Zakie (Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri), Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ketua-ketua Jabatan.

Guan Eng dalam pada itu turut memuji

sistem pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUKPP) di bawah kepimpinan Farizan yang berjaya meneruskan kecemerlangan dengan memperoleh pelbagai anugerah.

Malah, ucapan tahniah tersebut turut dipanjangkan kepada agensi dan jabatan negeri yang telah berjaya memperoleh Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2016 dengan pengiktirafan lima dan empat bintang melalui audit yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara tahun lalu.

Sementara itu, Farizan dalam ucapannya turut menyeru para penjawat awam agar terus menyemarak dan melaksanakan tanggungjawab berlandaskan prinsip SIKAP (*Skill, Integrity, Knowledge, Attitude, Procedure*) dan menterjemahkan ibadah puasa ke dalam pekerjaan harian.

"Apa salahnya kita (penjawat awam) menterjemahkan prinsip berpuasa yang sedang dijalani sekarang ke dalam kerja sehari-hari kita dalam usaha memikul tanggungjawab yang perlu dilakukan.

"Lakukan tugas dengan penuh tanggungjawab, disiplin serta komitmen tanpa melanggar peraturan yang boleh menyebabkan kecacatan pada tugas kita sebagaimana kita tidak lakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa.

"Begitu juga seperti mana kita menepati waktunya untuk berbuka (puasa), maka para penjawat awam juga semestinya menepati SOP (Tatacara Pengendalian Piawai), Aku Janji dan sebagainya sebagai anggota penjawat awam," ujarnya.

Projek tebatan banjir hilir Sungai Pinang bakal manfaat lebih 2,000 penduduk

GEORGE TOWN – Projek bagi kerja-kerja tebatan banjir dan menaik taraf sistem saliran di hilir Sungai Pinang bukan sahaja bagi mengatasi masalah banjir di Sungai Pinang, malah juga bakal memberi manfaat sosial kepada lebih 2,000 penduduk sekitar.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, projek menelan kos RM1,845,000 tersebut akan meningkatkan kapasiti dan kadar aliran longkang sedia ada terutama ketika musim hujan atau hujan lebat.

"Saiz longkang sedia ada kini adalah berukuran 300 milimeter (mm) lebar dan akan digantikan kepada saiz lebih besar iaitu 1,200mm lebar serta disambungkan terus ke kolam takungan banjir berkeupayaan menakung 5,187 meter padu air.

"Di samping itu, ia akan disokong dengan dua unit pam berkapasiti 120 liter sesaat yang berfungsi mengepam lebihan air banjir ke parit monsun seterusnya dialirkan ke Sungai Pinang," ujarnya kepada pemberita di tapak projek berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Grace Teoh; Jurutera



HILIR Sungai Pinang.

Kanan MBPP, Ir. Cheah Chin Kooi serta wakil dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu,

masalah banjir kilat berdekatan Pangsapuri Serina Bay dekat sini baru-baru ini adalah berpunca dari pertembungan hujan lebat dan air laut pasang sehingga menyebabkan paras Sungai Pinang meningkat, sekaligus menjelaskan sistem saliran di kawasan

sekitarnya.

"Jadi, projek ini akan melibatkan pembinaan kotak pembentung bersaiz 1,200mm lebar sepanjang 360 meter di hilir Sungai Pinang dan 120 meter di Solok Sungai Pinang.

"Kotak pembentung bersaiz 1,500mm lebar juga akan dibina sepanjang 135 meter di kawasan kolam takungan yang melibatkan kawasan seluas dua ekar termasuk kemudahan asas rekreasi, pokok teduhan, laluan pejalan kaki dan kawasan lapang.

"Selain itu, empat unit pam iaitu dua unit berkeupayaan mengepam 120 liter sesaat dan dua unit pam lain 4 liter sesaat turut akan dibina di sini," jelasnya yang turut meninjau ke tapak pembinaan dekat sini.

Difahamkan, projek dibiayai sepenuhnya oleh MBPP berkaitan mengambil masa 12 bulan untuk disiapkan dan dijangka siap pertengahan bulan Mac tahun hadapan.

Dalam pada itu, Chin Kooi memberitahu, projek tebatan banjir merupakan projek serampang dua mata.

"Projek ini bukan sahaja untuk mengatasi masalah banjir di kawasan sekitar sini (Sungai Pinang), tetapi juga bakal memberi manfaat kepada penduduk kerana ruang di sini juga akan dibangunkan dengan kemudahan rekreasi," jelas beliau.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak sentuh seincipun Hutan Simpanan Kekal dalam tempoh 10 tahun - Guan Eng

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Statistik oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menunjukkan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Semenanjung Malaysia yang tidak 'sentuh' seincipun Hutan Simpanan Kekalnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, statistik tersebut jelas menunjukkan bahawa jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal yang dilesenkan untuk pengusahaan bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia.

"Pahang misalnya, menjadi negeri yang paling banyak menebang Hutan Simpanan Kekalnya iaitu 161,379 hektar diikuti oleh Kelantan (157,919 hektar).

"Bahkan, Perlis, negeri terkecil di Malaysia juga menebang 167 hektar Hutan Simpanan Kekal, tetapi di Pulau Pinang, tidak seincipun 'disentuh' dalam tempoh 10 tahun ini.

"Jadi, adalah tidak benar laporan beberapa akhbar yang mendakwa bahawa banyak kawasan hijau di Pulau Pinang terjejas sedangkan Pulau Pinang merupakan negeri yang menjaga Hutan Simpanan Kekal dan betul-betul hijau," responsnya sebagai menyangkal dakwaan beberapa laporan akhbar pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mungkin, menurut Guan Eng, ada sesetengah pihak yang terkeliru dengan projek berkepentingan awam yang dilaksanakan di cerun-cerun bukit.

"Sebagai contoh, projek Jalan Bukit Kukus, Paya Terubong

yang merupakan projek membina jalan berkembar (melibatkan kawasan cerun bukit)...setelah siap projek itu kelak, kawasan hijau di sini akan dipulihkan semula.

"Projek ini penting terutama bagi penduduk di kawasan tersebut, kerana ia dapat melegakan kesesakan aliran trafik di kawasan sekitar, malah penduduk di situ (kawasan Paya Terubong) juga tahu dan faham bahawa projek ini penting untuk mereka," jelasnya.


Difahamkan, projek Jalan Bukit Kukus yang menelan kos RM545 juta itu merupakan projek Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama dua syarikat swasta iaitu Geo Valley Sdn. Bhd. dan PLB Land Sdn. Bhd. dan dijangka siap menjelang tahun 2019.

SIAPAKAH SEBENARNYA YANG "BOTAK"

PAHANG	MENEANG	PERAK	PULAU PINANG	KELANTAN
161,379	74,032	0	157,919	HEKTAR HUTAN SIMPANAN KEKAL

Sumber:
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar Malaysia, tahun 2006-2015.

Penggunaan brokoli di dalam visual ini adalah ilustrasi semata-mata.



Tapak pembinaan bebas denggi, dua pemaju terima pengiktirafan

GEORGE TOWN - Pemaju, Zhong Ying Construction Sdn. Bhd. (Zhong Ying) dan Builtech Project Management Sdn. Bhd. masing-masing terpilih sebagai penerima Anugerah Tapak Pembinaan Bebas Aedes 2016 bagi peringkat pulau dan Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, anugerah tersebut adalah bagi menghargai usaha para kontraktor dan syarikat pemaju dalam mendokong aspirasi Kerajaan Negeri untuk menghapuskan penularan kes denggi di Pulau Pinang.

"Ini adalah sebahagian daripada kempen untuk menghargai jasa pihak kontraktor dan pemaju yang menyokong usaha Kerajaan Negeri membanteras denggi.

"Seperti kita tahu lokasi-lokasi utama yang selalu menjadi kawasan infeksi denggi adalah membabitkan tapak-tapak pembinaan.

"Syabas diucapkan kepada kedua-dua syarikat ini

kerana telah mencatatkan rekod cemerlang yang mana tiada langsung lokasi pembiakan nyamuk aedes ditemui di kawasan pembinaan masing-masing," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Berkongsi bersama Buletin Mutiara, Pengurus Besar Zhong Ying, Lim Hun Hooi menyatakan bahawa bagi memastikan persekitaran tempat pembinaannya sentiasa bersih dan bagi mengelak pembiakan nyamuk aedes, pihaknya menugaskan sekurang-kurangnya dua pekerja untuk menjalankan rutin pembersihan setiap hari.

"Kita memang tugaskan di antara dua hingga tiga pekerja untuk membuat pembersihan setiap hari.

"Ini adalah penghargaan pertama yang diterima, diharap kami dapat mengekalkan mutu kebersihan ini dan menjadi contoh kepada tapak-tapak pembinaan lain," ujarnya.



MOHD. RASHID HASNON (tiga dari kanan) dan DR. AFIF BAHARDIN (empat dari kiri) masing-masing menyampaikan plak penghargaan kepada wakil-wakil daripada syarikat Zhong Ying dan Builtech Project Management Sdn. Bhd. pada Majlis Anugerah Tapak Pembinaan Bebas Aedes 2016 (Peringkat Pulau dan Seberang Perai) di sini baru-baru ini.

Semua projek awam, swasta perlu rujuk PMC – Kon Yeow

GEORGE TOWN - Semua agensi negeri dan swasta termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) yang melaksanakan sesuatu projek perlu merujuk kepada jawatankuasa khas pemantauan projek atau *Project Monitoring Committee* (PMC) yang diketuai Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, jawatankuasa khas tersebut berperanan memantau perkembangan pelaksanaan projek-projek bagi memastikan semua perancangan projek dapat disempurnakan mengikut jadual.

"Di Pulau Pinang, sekiranya sesuatu projek tidak siap atau lewat disiapkan mengikut jadual, ia bukan salah pemaju terbabit, tetapi kesalahan diletakkan kepada Chow Kon Yeow ataupun Ketua Menteri, Saudara Lim Guan Eng.

"(Dan) situasi (kelewatian siapkan projek) ini berlaku sejak dahulu lagi...dan Kerajaan Negeri sedar bahawa suatu jawatankuasa khas perlu diwujudkan.

"Jadi mana-mana agensi termasuk agensi awam mahupun swasta perlu melaporkan perkembangan semasa projek masing-masing termasuk memperoleh Perakuan dan Lanjutan Masa (EOT) kepada PMC di bawah Lim Hock Seng yang bermesyuarat dua bulan sekali," ujarnya pada sesi lawatan tapak ke projek tebatan banjir dan menaik taraf sistem saliran dekat hilir Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Tambah Kon Yeow, pemaju atau pemunya projek dalam keadaan tertentu memerlukan pelanjutan masa, mereka dikehendaki memohon dan menjelaskan kepada PMC sebab kelewatian tersebut.

"Sebarang kelewatian dalam sebarang projek perlu dilaporkan dan diteliti dengan terperinci punca sebenar (yang menyebabkan kelewatian).

"Selalunya, pemindahan utiliti menjadi punca utama kelewatian sesuatu projek yang dirancang itu lewat siap dari yang dijadualkan.

"(Dan) proses ini (merujuk dan melaporkan kepada PMC) adalah bagi memastikan projek-projek yang dilaksanakan siap mengikut jadual termasuk kerja-kerja awal dan pemindahan utiliti," jelasnya kepada pemberita.

Pulau Pinang sasar pengurangan 10% kemalangan maut tahunan menjelang 2020

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang mensasarkan pengurangan kadar kemalangan maut sehingga 10 peratus setiap tahun menjelang 2020 nanti.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, sejak dilancarkan Ketua Menteri pada 25 Mei 2015, pelan strategik yang menggariskan empat tonggak utama itu diimplementasikan dengan harapan kadar kemalangan maut dapat dikurangkan sebanyak 10 peratus setiap tahun.

“Empat tonggak tersebut adalah mengubah sikap pengguna jalan raya, meningkatkan keselamatan bagi penunggang motosikal, keadaan jalan raya yang selamat dan mengumpul data serta maklumat bagi membantu implementasi pelan tersebut.

“(Dan) Pulau Pinang merupakan negeri pertama dalam negara yang memperkenalkan pelan strategik sendiri selaras dengan deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mahu melihat kadar kematian akibat kemalangan dapat

dibendung.

“Pada 2014, Kerajaan Negeri mengorak langkah awal menyahut cabaran dengan memperkenalkan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2014–2020 sebagai sebuah pelan implementasi strategik membendung kes kemalangan maut di Pulau Pinang,” ucapnya pada Majlis Perasmian Minggu Keselamatan Jalan Raya sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Kontijen Pulau Pinang, Deputi Supritenden Zafri Zolkapli; Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Pulau Pinang, Husni Mahmud serta wakil-wakil dari Unit Pengurusan Lalu Lintas, Bahagian Kerajaan Tempatan; Majlis Keselamatan Jalan Raya; Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); Puspakom dan lain-lain agensi terlibat.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri bukan sahaja mensasarkan pengurangan 10 peratus bagi kes kemalangan maut, malah turut

merangkumi kes kematian membabitkan penunggang motosikal, pejalan kaki dan kecederaan parah akibat kemalangan di jalan raya.

“Segala inisiatif ini akan menjadi sia-sia sekiranya tidak disokong oleh perubahan sikap pengguna jalan raya itu sendiri.

“Pengguna (jalan raya) perlu menitik beratkan ciri-ciri keselamatan termasuk pemanduan selamat mengikut peraturan jalan raya dan menerapkan sikap bertanggungjawab semasa di jalan raya,” katanya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak kementerian berwajib, agensi-agensi kerajaan, syarikat konsesi lebuh raya serta agensi penguatkuasa yang terlibat dalam menjayakan pelan strategik berkaitan.

Dalam pada itu, Hock Seng yang turut berucap pada majlis tersebut menyatakan bahawa secara purata, setiap hari satu kematian dicatatkan di Pulau Pinang akibat kemalangan jalan raya, manakala melalui Kempen Ops Selamat, jumlah kemalangan dapat dikurangkan daripada 1,686 kes pada 2015 kepada 1,565 kes (2016).

“Walau bagaimanapun, kadar kematian meningkat daripada 13



LIM Hock Seng (berkemeja biru) memakaikan topi keledar keselamatan kepada salah seorang pembonceng sambil dibantu oleh Husni Mahmud (barisan depan, dua dari kanan) pada Majlis Perasmian Minggu Keselamatan Jalan Raya sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

mangsa pada 2015 kepada 21 (2016), dan 80 peratus daripadanya membabitkan penunggang motosikal.

“Oleh itu, saya ingin menggesa pengguna jalan raya supaya mematuhi peraturan jalan raya dan mengubah sikap serta pemanduan dengan mematuhi had laju, tidak melanggar lampu merah, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan sentiasa memakai tali pinggang keselamatan atau topi keledar bagi penunggang motosikal,” seru beliau yang

kemudiannya mengedarkan rompi (*vest*) keselamatan pemantul cahaya, topi keledar berserta kuih raya kepada penunggang motosikal dekat Jalan Penang di sini.

Bertemakan ‘Nyawa Dihargai, Aidilfitri Lebih Bererti’, Minggu Keselamatan Jalan Raya yang menekankan program kesedaran, pencegahan dan pemantauan akan diteruskan sehingga 2 Julai ini.

Dijangkakan sepanjang sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, jumlah kendaraan di Pulau Pinang mencecah sehingga 1.5 juta.

Pulau Pinang terus catat peningkatan pelaburan - Rashid

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

GEORGE TOWN – Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan bernilai RM59.2 bilion dari tahun 2008 hingga 2016, yang mana menyaksikan peningkatan 73 peratus pelaburan berbanding tempoh yang sama dari tahun 1999 hingga 2007 di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri terdahulu.

Menurut Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, angka tersebut menunjukkan peningkatan ketara di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang.

“Bagi tempoh 2008 hingga 2016, pelaburan Pulau Pinang meningkat kepada RM59.2 bilion berbanding pentadbiran dahulu kurang RM34 bilion bagi tempoh sama (1999 hingga 2007).

“Malah, Kerajaan Negeri memandang sektor perkhidmatan sebagai satu platform pemungkin ekonomi berpendapatan tinggi dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat,” katanya pada Majlis Dialog dan Iftar di bawah MMK Usahawan, Koperasi, Pengusaha Industri dan Ketua-ketua Jabatan Pejabat Kerajaan Negeri Bersama-sama di sini baru-baru ini.

pesat.

“Ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri keusahawanan, Kerajaan Negeri turut menyediakan pelbagai akses kemudahan pinjaman seperti pinjaman tanpa faedah (kali pertama) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM), Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) dan bantuan-bantuan kebijakan lain kepada usahawan kecil di negeri ini,” jelas beliau.



MOHD. RASHID HASNON (berdiri, dua dari kanan) beramah-mesa dengan sebahagian kakitangan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Majlis Dialog dan Iftar di bawah MMK Usahawan, Koperasi, Pengusaha Industri dan Ketua-ketua Jabatan Pejabat Kerajaan Negeri Bersama-sama di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, seramai 200 pemain industri dan usahawan turut mengambil bahagian.

Tambah Mohd. Rashid, selain pelaburan, sektor industri dan keusahawanan negeri turut berkembang

Teroka, hasil produk orientasi pelanggan untuk terus kekal dalam pasaran industri perabot, seru KM

PANTAI JEREJAK – Industri perabot dijangka menyumbang RM16 bilion kepada pendapatan negara menjelang tahun 2020.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa industri perabot di Malaysia, khususnya produk kayu menyumbang dengan ketara kepada jumlah eksport bermilai RM9.53 bilion pada tahun 2016, iaitu menyaksikan peningkatan 4.2 peratus berbanding 2015.

“Kini, industri perabot adalah salah satu kelompok yang paling berjaya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana, dengan Malaysia sebagai pengeksport kelapan terbesar di seluruh dunia.

“Saya yakin prestasi eksport produk perabot akan terus bertambah baik pada tahun-tahun akan datang.

“Tetapi, kita tidak seharusnya terlalu selesa dan bergantung kepada kejayaan ini, sebaliknya saya

menggesa industri (perabot) untuk meneroka potensi pasaran yang sedang berkembang dengan menghasilkan produk-produk berorientasikan pasaran untuk terus

kekalan dalam waktu mencabar,” ujarnya yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Guan Eng sebelum itu merasmikan Majlis Pembukaan Penfurnex 2017 anjuran Persatuan Industri Perabot dan Kayu Pulau Pinang (PFTIA) di Subterranean Penang International Convention and Exhibition Center (SPICE) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Penfurnex, Yee Xheng Yip dan Presiden PFTIA, Hendry Kong.

Dalam pada itu, Guan Eng yakin bahawa Penfurnex merupakan satu platform terbaik kepada pemain-pemain industri untuk memamerkan produk-produk mereka dan bertukar idea mengenai trend serta keperluan pengguna.

“Dengan penganjuran ini setiap tahun ia akan membantu pemain-pemain industri perabot untuk meneroka peluang kedua di pasaran antarabangsa mahupun domestik,” ujarnya.

PIP, tidak ada sebarang kenaikan kos – Kon Yeow

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow tampil menjelaskan isu berhubung dakwaan keronnya kos bagi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Negeri Pulau Pinang melonjak daripada RM27 bilion kepada RM46 bilion.

Beliau berkata, kos bagi PIP masih kekal sama dan tidak ada lonjakan kos seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

“Sehingga kini, kos yang dicadangkan adalah tidak berubah dan tidak ada sebarang kenaikan kos seperti yang dikatakan,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Jurutera bagi Special Purpose Vehicle (SPV) PIP, Dato' Ir. Ang Aing Thye serta wakil SRS Consortium, Azmi Mohamad.

Menurut Kon Yeow, pada tahun 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melantik syarikat perunding kejuruteraan, Halcrow untuk melaksanakan kajian pelaksanaan PIP.

Berdasarkan kajian tersebut, Halcrow telah mencadangkan anggaran kos sebanyak RM27 bilion.

“Manakala pada 2014, Kerajaan Negeri

Pulau Pinang telah melaksanakan panggilan tender (*Request for Proposal*, RFP) untuk melantik rakan pelaksana projek dan SRS Consortium telah ‘memenangi’nya.

“SRS Consortium kemudiannya mengemukakan pelan alternatif melibatkan jaringan lebuh raya dan rangkaian kereta api dengan anggaran kos RM39 bilion.

“Terdahulu, Kerajaan Negeri juga telah melantik Konsortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (Zenith) untuk melaksanakan tiga projek jalan dan terowong dasar laut dengan anggaran kos RM6.4 bilion menjadikan kos bagi kedua-duanya sekitar RM46 bilion.

“Sememangnya benar kos pelaksanaan bagi PIP ini akan mencecah RM46 bilion, tetapi adalah tidak tepat jika anda katakan kos tersebut telah melonjak dari RM27 bilion kepada RM46 bilion, sedangkan ia merupakan dua proposal yang berbeza, iaitu satu daripada Halcrow dengan kos RM27 bilion, dan satu lagi daripada SRS Consortium (RM46 bilion),” jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memberikan ‘lampa hijau’ kepada SRS Consortium untuk meneruskan pelaksanaan sistem aliran transit ringan (LRT) dari Komtar ke Bayan Lepas dan Penang Island Links (PIL) dengan anggaran



CHOW Kon Yeow (tengah) menunjukkan laporan keterangan berhubung kos membabitkan PIP sambil ditemani Ir. Ang Aing Thye (kiri) dan Azmi Mohamad pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

kos berjumlah RM17 bilion.

“Seperti yang dimaklum sebelum ini, tidak akan ada PIP sekiranya Kerajaan Pusat tidak memberikan sebarang kelulusan. Tetapi, sekiranya kelulusan diberikan, SRS Consortium akan meneruskan kerja-kerja reka bentuk

kejuruteraan terperinci dan mengadakan panggilan tender bagi pelbagai paket pelaksanaan kerja.

“Cuma setakat ini, kos projek tersebut boleh dimuktamadkan melalui perjanjian antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan SRS Consortium,” ujar beliau.

PPAPP belanja lebih RM2 juta beli koleksi bacaan perpustakaan awam - Sharimah

BERTAM – Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), Sharimah Salleh memberitahu, saban tahun kira-kira RM2 juta dibelanjakan untuk menyediakan pelbagai jenis koleksi bacaan di semua perpustakaan di negeri ini.

Beliau berkata demikian selepas sesi maklum balas awam di Perpustakaan Awam Daerah Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini, yang melibatkan 74 perwakilan dari 64 sekolah berwajib di sini.

“Lebih RM2 juta (RM2,042,730) juga (peruntukan) untuk semua perpustakaan di Pulau Pinang.

“Ada 25 isu dibangkitkan dalam sesi maklum balas awam baru-baru ini, antaranya isu bahan bacaan dalam bahasa Cina dan Tamil kurang di sini (Perpustakaan Awam Daerah SPT), tapi isu-isu berbangkit ini telahpun ada di perpustakaan ini.

“Lagipun di Perpustakaan Awam dekat Bertam ini, majoriti yang datang adalah

Melayu, kalau dilihat pada laporan statistik pinjaman buku Tamil umpamanya, kurang.

“Ada juga dicadangkan tadi, ditambah koleksi bacaan buku-buku sains dan teknologi, agama dan sejarah klasik China,” responsnya kepada pemberita pada majlis berkaitan.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee yang juga Ahli Jawatankuasa Pemilihan, Hapus Kira dan Sebut Harga PPAPP dan Mohd.

Rizal Ismail yang mempergerusikan jawatankuasa itu.

Soon Lip Chee memberitahu, maklum balas langsung daripada guru-guru sekolah sebenarnya begitu membantu PPAPP membeli koleksi bahan

bacaan di semua perpustakaan awam, termasuk 12 perpustakaan desa, perpustakaan pekan (1), perpustakaan digital (1) dan perpustakaan cawangan (1).

“RM2 juta peruntukan tahunan ini memang tidak cukup, tapi perbelanjaan bahan-bahan bacaan yang kita buat mestilah terlebih dahulu dikaji, apa yang penting mengikut keutamaan.

“Sebab itu, kita (PPAPP) memang harap cikgu-cikgu sekolah memberi cadangan

secara langsung dalam pertemuan seperti ini, supaya kita boleh terus membeli koleksi bahan bacaan yang pelbagai berdasarkan cadangan mereka,” jelasnya.

Dalam sidang media tadi, Sharimah turut membentangkan data koleksi bahan bacaan di semua perpustakaan sekitar SPT, jumlah pengunjung perpustakaan bagi tahun 2016 dan sehingga bukan Mei tahun ini, serta pola pinjaman buku kegemaran mengikut subjek.

PINJAMAN PENDIDIKAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
SESI 2017 / 2018

Permohonan boleh dibuat melalui **online** mulai 1 Jun 2017 hingga 30 Ogos 2017

https://epp.penang.gov.my

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Unit Pinjaman Penutup
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
Tel : 04-6505165/5391/5541/5599/5627
Faks : 04-2613453

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

Sijil Diploma Ijazah Sains Ijazah Sastera Sarjana PhD



SOON Lip Chee (kanan sekali) dan Sharimah Salleh pada sesi maklum balas awam di Perpustakaan Awam Daerah SPU di sini baru-baru ini.

Ganti gasket, bersih tingkap Komtar demi keselesaan pengunjung

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

KOMTAR – Bangunan mercu tanda negeri Pulau Pinang, Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) akan menjadi lebih selesa kepada pengunjung apabila

kerja-kerja penggantian gasket dan pembersihan tingkap setinggi 68 tingkat siap sepenuhnya pada Jun 2017.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) Setia Urus, Datuk Ir. Ang Choo Hong memberitahu,

kerja-kerja yang menelan belanja RM1.29 juta itu adalah untuk menggantikan gasket dan pembersihan tingkap keseluruhan bangunan yang tidak pernah dilakukan sejak ia siap dibina pada tahun 1985.

“Walaupun begitu, ada juga kerja-kerja penggantian gasket secara *ad-hoc* dijalankan, kerana terdapat masalah kebocoran yang berlaku ketika hujan lebat sekaligus menjelaskan keselamatan struktur bangunan.

“Justeru, kita mengambil keputusan untuk menggantikan gasket dan membersihkan tingkap secara keseluruhan dan tender telah dimenangi oleh Syarikat Lubuk Laris Sdn. Bhd.,” ujarnya pada sesi lawatan kerja-kerja pemuliharaan dan pembersihan bangunan Komtar di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Joel Lam (Pengurus Projek daripada Syarikat Lubuk Laris Sdn. Bhd.) dan Hasnul Hashim (Pengurus Operasi Syarikat Lubuk



TEH Lai Heng (lima dari kiri) dan Ang Choo Hong (empat dari kiri) memerhatikan kerja-kerja penggantian gasket tingkap yang sedang dijalankan di sini baru-baru ini.

Laris Sdn. Bhd.) turut serta dalam lawatan kerja tersebut.

Menurut Hasnul, pengedap berkualiti tinggi digunakan bagi menggantikan gasket kini.

“Pengedap digunakan mempunyai ketahanan tinggi dengan jaminan sehingga 10 tahun dan rintangan yang tinggi terhadap

sinaran ultraviolet (UV).

“Manakala untuk pembersihan tingkap, air osmosis songsang (RO) digunakan bagi menghalang pengumpulan sisa pada cermin,” jelasnya.

Projek tersebut telah dijalankan secara berperingkat sejak 16 Disember 2016.



KAKITANGAN yang dipertanggungjawabkan untuk pembersihan tingkap-tingkap bangunan Komtar.

DISKAUN 5% UNTUK KAUM BUMIPUTERA

PEMANDANGAN LAUTAN INDAH DARI ICONIC VUE

BATU FERINGGI

ICONIC
Vue

Pegangan Kekal

- Terletak di bandar Batu Ferringhi
- Pemandangan keindahan lautan Selat Melaka
- 232 unit Rumah Mampu Milik
- Pelan lantai 850 kaki persegi
- 26 tingkat berketumpatan rendah
- Podium fasiliti menghadapi pemandangan laut
- Pelbagai kemudahan yang lain
- Pengawasan pengawal keselamatan
- Harga Jualan (Min) RM300,000.00

iconic®
Development

TRENDSETTING DEVELOPER

Nama Pemaju: Iconic Vue • Lesen Pemaju Perumahan: 13460-2/03-2019/0218(L) Tempoh Sah: 22/03/2017-21/03/2019 • Permit Iklan Jualan: 13460-2/03-2019/0218(P) Tempoh Sah: 22/03/2017-21/03/2019 • Pihak Berkusa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB(8445)/16(LB) • Jenis Harta: Rumah Mampu Milik Pemilikan Strata • Keluasan: 850 kp • Pegangan Tanah: Bebas • Bebanan Tanah: Digadai kepada CIMB Bank Berhad • Tarikh Jangka Siap: Apr 2020 • Jumlah Unit: 232 • Jenis dan Harga Jualan: RM300,000.00(Min) • Pilihan Tambahan: 1 Tempat Letak Kereta dan Paket Menaik Taraf • Discount 5% untuk Bumiputra

*Maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran. Semua gambar, lakaran dan ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja dan bukan dirancang sebagai mewakili fakta. Walaupun semua langkah sewajarnya telah diambil semasa penyediaan maklumat ini, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang ketidakpastian dan perubahan yang mungkin diarahkan oleh pihak berkusa. • **Tertakluk kepada termasuk syarat.

Pemaju:
Iconic Land Sdn. Bhd. (981802-A)
No.70-1-30, DPiazza Mall, Jalan Mahsuri,
Bandar Bayan Baru, 11900 Pulau Pinang.
Tel: 604-6431888 Faks: 604-6431777

Waspada denggi, jangan ambil mudah, nasihat KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

BATU MAUNG – Meskipun secara kumulatif sehingga 17 Jun lalu terdapat penurunan 39.28 peratus kes denggi yang dilaporkan berbanding tempoh sama tahun lalu, namun rakyat tetap dinasihat supaya berwaspada.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, demam denggi merupakan penyakit yang boleh membawa maut.

"Ia (demam denggi) merupakan 'pembunuhan' dalam senyap, sebab itu saya ingin menyeru kepada semua supaya lebih berwaspada dan janganlah ambil mudah."

"Sama-sama berusaha mewujudkan persekitaran kediaman yang lebih sihat dan bersih," katanya ketika mengunjungi kediaman keluarga mangsa denggi, Allahyarhamah

Rafiqah Abd. Rashid yang meninggal dunia 17 Jun lalu di Panggupuri Tenaga Nasional Berhad dekat Sungai Ara di sini.

Turut sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang juga Exco Kerajaan Negeri serta wakil dari Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

Dalam kunjungan itu, Guan Eng turut menyerahkan sumbangan tunai kepada suami Rafiqah, Zawahir Abd. Rahim.

Difahamkan, Rafiqah menerima rawatan di salah sebuah klinik tempatan pada 14 Jun lalu sebelum disahkan meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang (HPP) pada 17 Jun 2017.

Dalam kejadian berasingan, penyakit berbahaya itu turut



KETUA MENTERI, Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) dan Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) pada lawatan ke kediaman Zawahir Abd. Rahim di sini baru-baru ini.

meragut nyawa seorang murid Tahun 4 dari Sekolah Kebangsaan Bayan Lepas, Nur Farisyah Nabila Mohd. Nasir yang disahkan mengidap demam denggi berdarah, 8 Jun lalu.

Sementara itu, melalui kenyataan akhbar Bahagian Kesihatan Awam, JKNPP, di Pulau Pinang sehingga 17 Jun 2017, sebanyak 1,110 kes denggi dilaporkan berbanding 1,828 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Manakala, enam kematian dilaporkan sehingga minggu ke-24 (11-17 Jun 2017) berbanding 10 kes tempoh sama tahun 2016.

Ketika ini, 10 lokaliti diklasifikasikan sebagai

kawasan wabak iaitu Taman Jasmine, Bayan Lepas (3 kes), Jalan Rawana (4), Taman Perak (3) dan Flat Jalan Kedah (4) dekat George Town, Taman Tun Sardon (4) dan kediaman Institut Perguruan (3) dekat Gelugor serta Kampung Tersusun (2), Flat Seri

Delima (3), Blok Akasia (6) dan Flat Taman Emas (6) dekat Mukim 12 Daerah Barat Daya.

Manakala dua lokaliti diklasifikasikan sebagai 'hotspot' iaitu Taman Bukit Jambul (7) dan Sri Wangsa 2 (11), George Town.



KEDUA-dua ibu bapa mangsa menunjukkan gambar Allahyarhamah Nur Farisyah Nabila Mohd. Nasir yang menjadi mangsa demam denggi berdarah pada 8 Jun lalu.

Jambatan rakyat RM25.8 juta pemangkin ekonomi Nibong Tebal

JAWI - Melihat potensi pengubah ekonomi Nibong Tebal, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) membiayai pembinaan jambatan RM25.8 juta bagi menghubungkan Taman Victoria ke Tanjung Berembang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembinaan jambatan berukuran 360 meter tersebut akan menyediakan akses cekap, selamat dan lebih baik kepada pengguna jalan raya termasuk peniaga serta pelancong berpotensi di kawasan itu.

"Oleh itu, pembinaan jambatan ini, yang mempunyai potensi sebagai peranan logistik dan 'economic game changer', akan menjadi satu dorongan kepada pembangunan di kawasan ini."

"Jambatan ini akan memudahkan lagi rangkaian ke hab pembuatan di Penang Science Park dan Bandar Cassia Batu Kawan berkonsepkan 'Live, Work, Play, Learn' dengan projek-projek ikonik seperti pusat membeli-belah perabot IKEA, Kolej Universiti KDU serta pembangunan bercampur lain yang masih dalam perancangan," katanya pada Majlis Pelancaran Jambatan Baru Merentasi Sungai Kerian, Nibong

Tebal, Sungai Kerian, Seberang Perai Selatan (SPS) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang; Exco Kerja Raya, Utiliti Pengangkutan, Lim Hock Seng; ADUN Jawi, Soon Lip Chee; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman; Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar; Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP); Sr. Rozali Mohamud dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Disifatkan sebagai jambatan rakyat, Guan Eng memaklumkan bahawa projek yang bermula 18 Januari 2016 tersebut dijangka siap pada 17 Januari 2019.

Tambahnya, buat masa ini, terdapat sebuah jambatan kecil menghubungkan Taman Victoria ke Tanjung Berembang, dan hanya boleh dilalui oleh motosikal dan pejalan kaki.

Difahamkan, dengan siapnya projek berkaitan, perjalanan hampir 45 minit mampu dipendekkan sehingga 10 minit sahaja.

PEMBERITAHUAN LAPORAN EIA



BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang, Paras 26, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang
No. Telefon : 04-650 5176
No. Faksimili : 04-261 1897

LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) BAGI PROJEK JALAN-JALAN UTAMA DI PULAU PINANG :

JALAN PINTASAN DARI LEBUHRAYA TUN DR. LIM CHONG EU KE AIR ITAM, JALAN BERKEMBAR DARI TANJUNG BUNGAH KE TELUK BAHANG DAN JALAN PINTASAN DARI PERSIARAN GURNEY KE LEBUHRAYA TUN DR. LIM CHONG EU PULAU PINANG

Dimaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar sedang mengkaji Laporan EIA untuk projek tersebut di atas. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk memberi ulasan bertulis ke atas Laporan EIA berkenaan yang boleh didapati dan dirujuk di tempat-tempat seperti berikut:-

- | | | |
|---|---|---|
| i. Jabatan Alam Sekitar Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar
Aras 1-4, Podium 2&3
Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana
Presint 4
62574 PUTRAJAYA | ii. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang
Aras Bawah Zon B
Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara
13200 KEPALA BATAS | iii. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Paras 26, KOMTAR
10503 PULAU PINANG |
| iv. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Paras 3, KOMTAR, Jalan Penang
10675 PULAU PINANG | v. Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 KUALA LUMPUR | vi. Ibu Pejabat Polis
Kontinjen Pulau Pinang
Jalan Penang
10760 GEORGETOWN |
| vii. Pejabat Daerah dan Tanah,
Daerah Timur Laut
Tingkat 50 & 51, KOMTAR
10000 PULAU PINANG | viii. Pejabat Daerah dan Tanah,
Daerah Barat Daya
Jalan Sungai Pinang
11000 BALIK PULAU | |

Orang ramai boleh menyemak laporan tersebut bermula dari 19 Jun 2017 hingga 19 Julai 2017 dan mengemukakan ulasan bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar sebelum atau pada 19 Julai 2017. Ulasan bertulis tersebut hendaklah dikemukakan kepada:-

Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar
Araas 1-4, Podium 2&3, Wisma Sumber Asli,
No. 25, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62574 PUTRAJAYA
(u.p.: Unit EIA – Urusetia EIA)
Tel: 03-8871 2000 / 2200 Fax: 03-8889 1036

Orang awam juga boleh memperolehi satu set laporan ini pada harga RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) daripada Yes Enviro Services Sdn. Bhd. Sila hubungi talian 04-3312945 atau faks kepada 04-3319678 untuk maklumat lanjut.

Orang awam juga boleh melayari laman web Jabatan Alam Sekitar di alamat www.doe.gov.my dan portal rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang di www.penang.gov.my untuk merujuk Ringkasan Eksekutif dan laporan EIA cadangan projek ini.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhocksen@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapree adunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungapinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Ramli Omar ramliomar53@gmail.com	012 - 487 3070
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolpkb@gmail.com	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhammad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar mudiram@gmail.com	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan rosli1971@yahoo.com	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad mustafakamalmka@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadilan@gmail.com	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail mtuah17@gmail.com	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
HOTLINE MBPP	101		
	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
	04-263 7000	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
NEGERI	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
KASTAM	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
IMIGRESEN	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	CAP	04-829 9511
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
EPF	04-226 1000	PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555
SOCSCO	04-238 9888		

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga	: 012 - 445 1767	- Muazah	N22	Tanjong Bungah	: 012 - 465 0021	- Tina
N2	Bertam	: 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	N23	Air Putih	: 011 - 12441069	- Hezreen
N3	Pinang Tunggal	: 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin	N24	Kebun Bunga	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4	Permatang Berangan	: 012 - 505 1334	- Farrah Erika	N25	Pulau Tikus	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5	Sungai Dua	: 016 - 412 8588	- Zuhair	N26	Padang Kota	: 017 - 956 3237	- Quah
N6	Telok Air Tawar	: 012 - 475 4326	- Mohd. Zamri	N27	Pengkalan Kota	: 012 - 401 1522	- Johnny Chee
N7	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N28	KOMTAR	: 010 - 811 7300	- Ch'ng Chin Keat
N8	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29	Datok Keramat	: 04 - 226 2464	- Razin
N9	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	N30	Sungai Pinang	: 04 - 282 6630	- Kalvinder
N10	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31	Batu Lancang	: 04 - 282 6419	- Shuen
N11	Permatang Pasir	: 010 - 406 2128	- Nurafiqah	N32	Seri Delima	: 019 - 4474362	- Karuna
		013 - 595 6865	- Rosli	N33	Air Itam	: 012 - 5242549	- Mahen James
N12	Penanti	: 04 - 538 2871	- Tira	N34	Paya Terubong	: 012 - 4730736	- Anne Janet
N13	Berapit	: 016 - 401 3507	- Mr.Lim	N35	Batu Uban	: 016 - 4940705	- Toon Hoon Lee
		017 - 446 1817	- Yeoh Ee Yee	N36	Pantai Jerejak	: 016 - 205 1185	- Frankie Kee
N14	Machang Bubuk	: 012 - 474 0964	- Andrew Chin	N37	Batu Maung	: 016 - 480 0232	- Jalal
		012 - 473 0964	- Ikhwan	N38	Bayan Lepas	: 016 - 487 8602	- Khairul Sathyia
N15	Padang Lalang	: 017 - 552 8928	- Chan	N39	Pulau Betong	: 016 - 444 3550	- Aliiff / Shamsudin
N16	Perai	: 014 - 945 9786	- Lai	N40	Telok Bahang	: 04 - 646 4700	- Amirulzaman
N17	Bukit Tengah	: 04 - 383 9131	- Sri Sangar				- Danny Ho
N18	Bukit Tambun	: 016 - 404 9120	- Lim Tuan Chun				- Yusof Ismail
		017 - 378 4448	- G.Dumany				- Aidi Akhbal
N19	Jawi	: 017 - 408 4784	- Khor				- Johan Abu Bakar
		012 - 456 5018	- Abdul Halim				
N20	Sungai Bakap	: 019 - 552 8689	- Mr. Khor				
		0					

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2017**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	A. Veerasamy	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	012 - 451 5938

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2017**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Jun - Okt. 2017**



15hb Jun - 15hb Oktober
Pesta Durian
Anjung Indah, Balik Pulau

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD DARWINA MOHD. DAUD

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Isu 18 keluarga tiada bekalan air ditangani sebelum Aidilfitri - PPK

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

PENAGA - Isu 18 keluarga dari lapan kampung yang dikenal pasti tiada bekalan air terawat mendapat perhatian khusus ketika program Jelajah Desa Bersama Lim Kit Siang Ke Parlimen Kepala Batas di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Khas (PPK) Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng memberitahu, isu tersebut berjaya diselesaikan dalam tempoh dua bulan, kerana turut mendapat perhatian susulan daripada pentadbiran Ketua Menteri.

"Masalah bekalan air terawat kawasan luar bandar di sini berjaya diselesaikan dalam tempoh dua bulan dan siap sebelum raya."

"Saya perlu ucapan terima kasih kepada Ahli Parlimen Gelang Patah (Kit Siang) kerana beliau turun padang dan kita mendapat aduan langsung daripada penduduk berkenaan."

"Akhirnya, 18 keluarga terpilih berkenaan mendapat bantuan pinjaman sehingga RM15,000 daripada PBAPP (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) untuk memasang

paip bekalan air rawat ke rumah mereka.

"Siapnya projek ini membuktikan sekali lagi (bahawa) Kerajaan Negeri di bawah Ketua Menteri tidak pernah membezakan masyarakat bandar dan juga luar bandar," katanya ketika mengadakan lawatan ke salah sebuah kediaman berkaitan di sini baru-baru ini.

Menurut Hock Peng, pasukan beliau akan terus melaksanakan motto di peringkat Kepala Batas, iaitu 'Senantiasa Berkhidmat dan Berjuang Di Kawasan Luar Bandar'.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri ; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran



LAY Hock Peng (tengah) dan Lim Kit Siang ketika mengadakan lawatan ke kediaman salah seorang penduduk terlibat di sini baru-baru ini.

Seberang Perai (MPSP), Mohamad Shaipol Ismail turut serta dalam program jelajah berkenaan.

MBPP tampil sah tidak pernah keluarkan lesen judi



ONG Ah Teong (empat dari kiri) dan barisan Ahli Majlis MBPP lain menunjukkan dokumen daripada pihak kementerian pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini tampil mengesahkan bahawa pihaknya tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen judi di Pulau Pinang sebagaimana didakwa segerintir pihak baru-baru ini.

Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong memberitahu, Majlis hanya mengeluarkan lesen di bawah Enakmen Hiburan 1998 iaitu lesen hiburan awam yang terdiri daripada lesen hiburan, permainan, keluarga dan simulator sahaja.

"Bagi lesen simulator ini, orang awam harus faham bahawa sebelum lesen berkaitan dikeluarkan, pengusaha adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dipenuhi."

"Pengusaha perlu mengemukakan lesen dari Kementerian Kewangan yang membuktikan bahawa mesin-mesin tersebut bukanlah bersifat perjudian, sebaliknya hanya untuk hiburan, permainan atau keluarga sahaja."

"Malah, sebelum lesen simulator ini diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), kita (MBPP) akan merujuknya kepada pihak polis dan sekiranya tiada bantahan barulah lesen (simulator) ini dikeluarkan mengikut syarat-syarat yang telah

dinyatakan tadi."

"Sekiranya, pengusaha menyalahgunakan, MBPP juga tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan kerana ia adalah di bawah tanggungjawab polis. Dan sememangnya kita (MBPP) telah memaklumkan kepada pihak polis, sekiranya ia disalah gunakan, Majlis tidak teragak-agak untuk menarik semula lesen yang telah dikeluarkan," ujarnya pada sidang media di sini.

Turut serta, barisan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Mengulas lanjut, maklum Ah Teong selaku Pengurus Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan iaitu semua premis yang menjalankan perniagaan mesin simulator adalah tidak dibenarkan beroperasi di kawasan komersial selain dari hotel serta kompleks membeli-belah.

"Daripada keseluruhan 82 premis berlesen ini, 33 daripadanya didapati tidak beroperasi di dalam kawasan yang ditetapkan."

"Justeru, bagi memudahkan kawal selia dilakukan, pengusaha diberikan tempoh sehingga 31 Disember ini untuk mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan, iaitu hanya kawasan hotel dan kompleks membeli-belah sahaja dibenarkan," jelas beliau.

Lesen & kegiatan judi haram, KN serah kepada Pusat, polis yang berkuasa untuk ambil tindakan - Guan Eng

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyerahkan kepada bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengambil tindakan terhadap kegiatan judi haram, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana kes perjudian haram adalah terletak di bawah tanggungjawab polis, dan Kerajaan Negeri menyerahkan kepada pihak berkenaan (polis) untuk menjalankan tugas mereka.

"Perlu ditegaskan sekali lagi bahawa lesen judi bukan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, tetapi oleh Kerajaan Persekutuan."

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) serahkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan polis yang sememangnya lebih mempunyai kuasa dalam hal ini untuk mengambil tindakan sewajarnya."

"Dalam hal ini, pihak Kerajaan Negeri bersedia memberi sebarang bantuan ataupun sokongan sekiranya diperlukan pihak polis," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata demikian sebagai mengulas pertanyaan pihak media mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri (TPM) yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini yang mengarahkan polis Pulau Pinang supaya memerangi habis-habisan kegiatan perjudian yang disifatkannya sebagai semakin serius di negeri itu.

Malah, pada masa sama, Ahmad Zahid turut menyatakan bahawa jika kegiatan judi tidak dihapuskan sepenuhnya, beliau khawatir ada sindiket yang akan menggunakan hasil kegiatan mereka untuk membayai parti-parti politik, terutama semasa pilihan raya umum.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, kenyataan TPM merupakan kenyataan am ekoran tidak menyebut atau menyatakan secara terperinci mana-mana parti politik tertentu.

"Bagi saya, ia hanyalah kenyataan am yang menyatakan bahawa beliau akan memberi sokongan kepada Ketua Polis Negeri untuk mengambil tindakan ke atas kegiatan judi haram di negeri ini agar tidak menaja parti-parti politik menjelang pilihan raya umum akan datang."

"Dia tak sebut atau menuduh mana-mana parti politik."

"Walaupun, kebiasaannya parti pembangkang daripada Pakatan akan dipersalahkan, tetapi dalam hal ini jelas sekali ia adalah satu kenyataan am," ujarnya lanjut.

Dalam pada itu, menurut Guan Eng, pendirian Kerajaan Negeri terhadap pembinaan kasino di Pulau Pinang seperti mana 'dicadangkan' Ahli Parlimen Padang Besar dari UMNO adalah amat jelas sekali.

"Pendirian kita (Kerajaan Negeri) amat jelas apabila kita telah menentang segera cadangan tersebut."

"Ia amat jelas bahawa kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, PH Pulau Pinang) menentang serta tidak bersetuju dengan cadangan ini, berbanding Barisan Nasional (BN) yang 'mahukan' kasino," tegas beliau.

61 pengundi terkejut dipindah keluar dari Bagan Dalam, ADUN desak ulasan lanjut SPR

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

BAGAN DALAM – Seramai 61 individu, rata-rata Melayu mengaku terkejut apabila diberitahu nama mereka dalam daftar pemilih terbaru yang dikeluarkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sah dipindah keluar dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Dalam.

Pengadu, **OMAR SALIMA BEGUN MYDIN**, 59, memberitahu, beliau sedar akan perkara tersebut ketika cuba mendapatkan bantuan sumbangan Ramadan di Pusat Khidmat Rakyat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan dekat Jalan Telaga Air di sini baru-baru ini.

"Saya sudah tiga empat kali mengundi di Bagan Dalam dan mendapat pelbagai bantuan kebaikan yang disediakan Kerajaan Negeri di Pejabat YB (Tanasekharan).

"Saya terkejut tiba-tiba nama saya dalam (daftar pemilih) SPR tidak lagi mengundi di Bagan Dalam," jelas wanita berkenaan kepada pemberita Buletin Mutiara.

Kata Omar Salima, sebulan lalu, ada beberapa individu masuk ke kampung-kampung Melayu untuk mengutip kad pengenalan, konnaunya untuk urusan pemberian bantuan kebaikan daripada Kerajaan Pusat.

"Bulan lepas, saya dan anak-anak yang layak mengundi beri kad pengenalan sebab mereka nak urus bagi bantuan duit ringgit dan makanan," jelasnya sambil melahirkan rasa kesal kerana bimbang tidak lagi berpeluang mengundi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Dalam pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Seorang lagi pengadu, **DAHARAH JAAFAR**, 49, berkata, beliau sendiri sebenarnya tidak pernah menukar alamat pada kad pengenalan atau memohon daripada SPR



OMAR Begun Mydin menunjukkan kad pengenalaannya yang masih menggunakan alamat sama, tetapi disenaraikan bukan lagi sebagai pengundi Bagan Dalam dalam Daftar Pemilih SPR baharu.

untuk menukar kawasan mengundi.

"Kami sekeluarga pergi kenduri di dewan, dan mereka meminta kad pengenalan dan kami tak tahu apa-apa."

"Tiba-tiba, saya diberitahu ditukar ke kawasan (Parlimen) Nibong Tebal dan DUN (Dewan Undangan Negeri) Sungai Bakap."

"Sudah dua kali dah saya mengundi di sini (Bagan Dalam) sebelum ini, di Sekolah Kebangsaan Kuala Perai," jelasnya sambil melahirkan rasa terkejut.

ROZLINACHE ZAIN, 36, pula melahirkan rasa kecewa apabila namanya dalam senarai daftar pemilih terbaru SPR menunjukkan beliau bukan lagi pengundi berdaftar di Bagan

Dalam.

"Saya pun tak tahu (kawasan mengundi ditukar), masuk kali ini (PRU14), kira saya akan mengundi kali yang kedua nanti."

"Mereka minta semua yang boleh mengundi dikutip kad pengenalan sahaja, saya memang tidak tahu tujuan mereka untuk ubah kawasan mengundi kami sekeluarga."

"Kawasan (buang undi terbaru) di mana lagi saya tidak tahu dan sedang disemak oleh Pejabat YB (Tanasekharan), tetapi bukan lagi didaftarkan di Bagan Dalam."

"Kad pengenalan saya masih sama, alamat rumah sama tetapi tiada (dalam daftar pemilih) SPR yang terbaru," respons beliau.

Menurut Rozlina, beliau serta beberapa anggota keluarga lain dalam proses membuat aduan kepada SPR serta memohon penukaran kawasan buang undi kembali ke Bagan Dalam dan Parliment Bagan.

Sementara itu, Tanasekharan dalam sidang media sebelum itu menyatakan bahawa setakat ini, pihaknya mengenal pasti wujud 61 pengundi berdaftar seakan dipindah keluar dari KADUN Bagan Dalam.

"Seperti tahun lepas, tahun ini juga kita melaksanakan bantuan raya untuk golongan kurang mampu, dan apabila mereka mahu memohon, apabila kita semak, mereka sudah bertukar kawasan buang undi ke tempat lain."

"Setakat ini, ada 61 orang ditukarkan ke KADUN Seberang Jaya dan Sungai Bakap," katanya kepada pemberita.

Menurut Tanasekharan, isu terbaru tersebut akan beliau panjangkan kepada pentadbiran Ketua Menteri.

"Saya juga akan desak SPR memberikan maklum balas lanjut mengenai isu ini," tegasnya.

(Dari muka I).

LAMPIRAN A.

BAKI PINJAMAN BELUM SELESAI KERAJAAN NEGERI SEHINGGA 31 DISEMBER 2016		
NEGERI	RM JUTA	%
01 PAHANG	3,116.91	17.6
02 SABAH	2,828.25	16.0
03 SARAWAK	2,572.40	14.5
04 KEDAH	2,460.57	13.9
05 KELANTAN	1,428.21	8.1
06 SELANGOR	1,110.80	6.3
07 MELAKA	959.47	5.4
08 NEGERI SEMBILAN	950.67	5.4
09 TERENGGANU	918.49	5.2
10 JOHOR	545.10	3.1
11 PERLIS	385.98	2.2
12 PERAK	340.73	1.9
13 PULAU PINANG	64.72	0.4
JUMLAH KESELURUHAN	17,682.30	100%

"Akaun Kerajaan Negeri dan PDC adalah berasingan dan berlainan."

"Kita tidak boleh campur-aduk kedua-duanya...sama juga apabila kita sebut penjualan tanah oleh (Kerajaan Negeri era) Barisan Nasional (BN) dahulu, tidak boleh dicampur-aduk dengan penjualan tanah oleh PDC dalam Kerajaan Negeri."

"PDC telah menjual tanah (dengan nilai) sebanyak RM1,944 juta, yang mana RM1,600 juta telah diterima mengikut pembayaran berjadual.

"Akan tetapi, PDC telah membelanjakan RM2,287 juta (RM2,287,482,840.39) untuk menjalankan pelbagai projek infrastruktur. (Rujuk Lampiran C)."

"Sungguhpun PDC telah membelanjakan

RM2,287 juta, dia masih boleh mencatatkan keuntungannya tiap-tiap tahun," ujar Guan Eng sambil menyifatkan propaganda UMNO BN memburukkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan tanpa berfikir menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) belakangan ini sebagai 'kempen tak bermaruah'.

LAMPIRAN B.

HASIL PENJUALAN TANAH BERBANDING KESELURUHAN HASIL NEGERI

Kerajaan Negeri telah menjual tanah seluas 1.1 ekar di Jalan Zainal Abidin dengan harga RM10,141,229.91 dan seluas 105 ekar di Bayan Mutiara dengan hasil sejumlah RM1.1 bilion. Bayaran premium untuk tanah Bayan Mutiara dibayar secara berperingkat selama (6) tahun bermula pada tahun 2012. Jadual berikut menunjukkan hasil yang diperoleh daripada penjualan tanah berbanding keseluruhan Hasil Negeri.

TAHUN	HASIL PENJUALAN TANAH KERAJANAN NEGERI (RM)	KESELURUHAN HASIL NEGERI (RM)	PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR (RM)	LEBIHAN (RM)
2008	-	371,170,607.21	283,150,136.48	88,020,470.73
2009	-	376,511,787.49	299,168,461.72	77,343,325.77
2010	-	410,701,630.70	377,162,614.39	33,539,016.31
2011	-	602,894,114.84	464,576,740.60	138,317,374.24
2012	110,293,920.00	654,552,363.81	540,076,920.95	114,475,442.86
2013	117,193,824.00	833,713,960.39	832,420,317.34	1,293,643.05
2014	188,911,009.00	799,712,712.20	745,541,768.41	54,170,943.79
2015	241,254,938.91	897,661,252.00	825,881,481.01	71,779,770.99
JUMLAH	657,653,691.91	4,946,918,428.64	4,367,978,440.90	578,939,987.74

Kurangkan RM500 juta untuk Tabung Rumah Awam & Mampu Milik.

Baki = RM157,653,691.91, yang hanya 3.18% daripada keseluruhan Hasil Negeri.

Sumber:
Jabatan Kewangan Negeri
13 Disember 2016

LAMPIRAN C.

Peratusan perbelanjaan Pembangunan Negeri (JKR, JPS, MBPP dan MPSP), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang serta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi Pulau dan Seberang Perai untuk tempoh 2008 hingga 2016 adalah seperti berikut:

No	Organisasi	Pulau	Seberang Perai	Keseluruhan
1	Pembangunan Negeri (JKR, JPS, MBPP & MPSP)	RM123,624,580.41 (40%)	RM182,045,529.59 (60%)	RM305,670,110.00 (100%)
2	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang	RM173,000,000.00 (36%)	RM311,000,000.00 (64%)	RM484,000,000.00 (100%)
3	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	RM401,382,416.42 (18%)	RM1,886,100,423.97 (82%)	RM2,287,482,840.39 (100%)
Jumlah Keseluruhan		RM698,006,996.83 (23%)	RM2,379,145,953.56 (77%)	RM3,077,152,950.39 (100%)

Akaun Kerajaan Negeri dan PDC adalah berasingan dan berlainan. PDC telah menjual tanah sebanyak RM1,944 juta, dimana RM1,600 juta telah diterima mengikut bayaran berjadual. Akan tetapi PDC telah membelanjakan RM2,287 juta untuk menjalankan projek infrastruktur.

Berkongsi tanggungjawab di rumah untuk keluarga harmoni

LEBIH daripada 150 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat telah berkumpul dan menyediakan minum petang untuk keluarga masing-masing pada Hari Ibu baru-baru ini, apabila mereka menyertai program "Mama Makes, Papa Bakes, I Shake" anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Acara yang unik ini telah menarik penyertaan sebanyak 50 keluarga, dengan tujuan meningkatkan kesedaran terhadap perkongsian tanggungjawab di rumah. PWDC berharap supaya setiap ahli dalam keluarga memahami dan hargai kerja rumah, justeru bekerjasama untuk berkongsi beban dan menikmati buah hasil kerja mereka bersama.

Peserta pasukan yang terdiri daripada pasangan ibu bapa ataupun penjaga, bersama-sama anak berusia antara 4 dan 12 tahun, telah menyempurnakan



TEH Lai Heng (dua dari kanan), Yap Soo Huey, Lim Siew Khim dan Ong Bee Leng bersama-sama semua peserta.

tugas-tugas seperti menyediakan meja kopi, hiaskan hidangan buah-buahan, bakar tart telur dan *green tea shake*. Setiap ahli keluarga mempunyai tugas masing-masing, tetapi hasilnya adalah daripada usahasama sekeluarga. Selepas itu, semua peserta telah berbincang tentang kadar penyertaan perempuan dan lelaki dalam tenaga kerja dan di rumah. Perbincangan juga menyentuh tentang "beban

berganda" yang telah ditanggung oleh ramai wanita, disebabkan mereka menghabiskan lebih tiga kali ganda masa kerja penjagaan tanpa bayaran berbanding lelaki, walaupun mereka merupakan kakitangan syarikat penuh masa. Fenomena ini menyebabkan tekanan yang dihadapi oleh wanita, maka lelaki perlu memainkan peranan mereka dalam kerja rumah dan penjagaan. Impak positif akan

berterusan kerana anak-anak akan mencontoh teladan baik dan budaya ini akan dibawa ke generasi hadapan. Sesi perbincangan ini diacara oleh Pengarah PWDC, Ahmad Munawir bin Abdul Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng.

Acara ini telah dianjur bersama dengan 1st Avenue Mall Pulau Pinang, dengan sokongan penuh oleh Kerajaan Negeri. Rakan kongsi yang turut menaja adalah Pusat Perkhidmatan Lim Siew Khim dan Teh Lai Heng, Jasper Promenade, Kedai Biskut Ng Kee dan Happy Event.

PWDC turut menjalankan siasat selidik terhadap "Berkongsi Tanggungjawab di Rumah"



AHLI-ahli keluarga meluangkan masa secara berkualiti bersama untuk menyediakan set minum petang.

atas talian, dengan tujuan untuk mengumpul pendapat orang ramai. Orang ramai dijemput menyertai kaji selidik melalui goo.gl/KRhXGG.

Karnival Desa Wawasan utara isu keperluan penduduk

SATU Karnival Suai-Mesra dan Sesi Perbincangan bersama Penduduk PPR Desa Wawasan telah diadakan dengan jayanya pada Mei 7 dengan kehadiran lebih daripada 300 warga penduduk di situ. Projek penyertaan rakyat ini adalah yang julung kalinya diadakan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang bersama Bahagian Perumahan Negeri Pulau Pinang di bawah Program Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB).

Karnival dan sesi perbincangan ini bertujuan untuk menggalakkan masyarakat, iaitu wanita dan lelaki dengan pelbagai latar belakang untuk menjadi rakan-kongsi Kerajaan Pulau Pinang dalam proses membuat keputusan atas perancangan bajet projek dan program perumahan Kerajaan Negeri. Bahagian Perumahan dilihat sebagai satu entry point yang tepat kepada pelaksanaan Projek GRPB kerana isu-isu perumahan melibatkan kesejahteraan rakyat secara langsung. Antara lain, persatuan-persatuan setempat juga memainkan peranan yang penting dalam menjayakan program ini, termasuk JKKK Sungai Rambai, Persatuan Penduduk, Jawatankuasa Surau, Brigid Wanita dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) PPR Desa Wawasan. Persatuan-persatuan ini menyumbang kepada karnival dan menjadikannya satu projek gotong royong.

Demi memahami keperluan kumpulan yang berlainan, penduduk yang serta sesi perbincangan dibahagikan kepada 9 kumpulan mengikut kategori umur dan jantina iaitu: remaja lelaki dan wanita; belia lelaki dan wanita; dewasa lelaki dan wanita; warga emas lelaki dan wanita; dan orang kurang upaya (OKU)



ONG Bee Leng (empat dari kiri), Jagdeep Singh Deo, Chong Eng, Steven Sim Chee Keong menghadiri Karnival Suai-mesra & Sesi Perbincangan Desa Wawasan.

yang diseliakan oleh kakitangan PWDC dan wakil-wakil penduduk di PPR Desa Wawasan. Dalam sesi tersebut, penduduk diberi peluang untuk mengutarakan isu keperluan mereka dan mereka diminta untuk memberi pandangan dan cadangan bagaimana untuk sama-sama menyelesaikan isu keperluan yang dihadapi oleh mereka. Rumusan hasil perbincangan tersebut akan dilaporkan kepada Bahagian Perumahan Negeri untuk pertimbangan selanjutnya supaya penduduk dapat serta pada fasa berikutnya.

Penduduk amat seronok menyertai aktiviti yang disediakan seperti senamrobik, sukaneka rakyat dan aktiviti mewarna kanak-kanak yang memeriahkan karnival. YB Jagdeep Singh, Exco Perancangan Bandar dan Desa serta Perumahan, YB Chong Eng; Exco Belia dan Sukan serta Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti; YB Steven Sim, Ahli Parlimen Bukit Mertajam telah menghadiri upacara pelancaran Projek Penyertaan Rakyat Desa Wawasan. Pemeriksaan kesihatan dan gigi percuma oleh Jabatan Kesihatan, pameran oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pertahanan Awam, perkhidmatan memotong rambut percuma serta Free Market oleh Gerakan Amal Bersama (GRAB) yang memanfaatkan penduduk tempatan.

MammoPenang bukti Kerajaan Negeri sayangi wanita

MENURUT statistik oleh Kajian Kanser Malaysia, 5,000 wanita negara kita akan didiagnos dengan kanser payudara setiap tahun, majoriti antara mereka berumur 30 hingga 60 tahun, dekat kepada separuh daripada wanita yang terjejas ini berumur bawah 50 tahun.

Menurut kajian, dianggarkan 1 daripada setiap 20 wanita Malaysia berisiko mendapat kanser payudara berbanding dengan 1 daripada setiap 8 wanita di negara Barat. Nisbah pesakit kanser payudara di Malaysia masih rendah dibandingkan dengan negara Barat tetapi jika dilihat dari sudut kadar kematian pesakit kanser payudara, Malaysia menjadi antara negara yang mempunyai kadar kematian yang tertinggi berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan. Tambahan pula, umur minimum wanita Malaysia yang telah direkodkan menghadapi kanser payudara adalah seawal umur 20-an, kes kanser payudara dijangka terus meningkat sebanyak 50 peratus pada tahun 2025, dan ini amatlah membimbangkan.

Kes Kanser Payudara di Pulau Pinang

Pulau Pinang mempunyai kadar kes kanser payudara dalam kalangan wanita yang paling tinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dengan kadar kes sebanyak 50 dalam 100,000 kes kanser payudara yang telah dilaporkan oleh Institut Kanser Negara untuk tahun 2007-2011. Justeru itu, pemeriksaan awal kanser

payudara amatlah disarankan kepada wanita di Malaysia terutamanya di Pulau Pinang.

Keprihatinan Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif untuk membantu wanita di Pulau Pinang dengan memberi perkhidmatan saringan mamogram percuma yang telah bermula sejak tahun 2015. Sejumlah RM 2.2juta telah diperuntukkan untuk menjayakan program ini dalam tempoh 3 tahun. Inisiatif ini adalah kerjasama antara MMK Kesihatan Kerajaan Pulau Pinang dengan Syarikat BP Diagnostics Sdn Bhd. Tujuan utama program saringan percuma ini adalah untuk memberi kesedaran kepada wanita tentang bahayanya kanser payudara dan kepentingan pengesahan awal. Berdasarkan rekod penyertaan program saringan percuma ini, seramai hampir 10 ribu wanita Pulau Pinang telah menjalani program saringan mamogram ini di Pusat Diagnostik BP cawangan Bukit Mertajam dan Pulau Pinang dan program ini masih berterusan bagi membantu komuniti Pulau Pinang dalam pengesahan awal penyakit ini.

Pentingnya Ujian Saringan Kanser Payudara

Program saringan mamogram percuma ini terbuka kepada semua wanita Pulau Pinang yang berumur 35 tahun ke atas serta memegang kad pengenalan yang beralamat di Pulau Pinang. Wanita Pulau Pinang yang layak boleh berdaftar di Pusat Khidmat kawasan DUN masing-masing melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), atau Ketua Brigid Wanita.

Dengan moto "Sayangi Wanita Pulau Pinang", jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kesihatan wanita Pulau Pinang menerusi program Mammo Penang!





TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesem semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11507 NOOR HIDAYAH BT AZHAR - 87052407**** 44-3-6, JALAN HASSAN ABBAS, TELUK BAHANG 11050 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11513 TEOH JIN YEE - 91051907**** 352-9-8 GAT LEBUH MACALLUM, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11514 NORZAMBRI BIN AZIZAN - 85112207**** A-02-07 LORONG SUNGAI DUA UTAMA 26, TMN. SUNGAI DUA UTAMA, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11516 MOHD ABIDZAR BIN ZAINOL ABIDIN - 85012005**** NO. 4 SOLOK PERWIRA 4 TAMAN PERWIRA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: GHAZALI BIN IBRAHIM - 56042707**** 78-03-06 CASA IMPIAN, JALAN OOI THIAM	Penjamin 1	: TEOH KWONG YEE - 83040507**** 352-9-8 GAT LEBUH MACALLUM 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHD AZWA BIN MAI AZMI - 85101508**** A3-4-19 MEDAN KIKIK 3, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI	Penjamin 1	: SABRIAH BINTI ISMAIL - 63101407**** 40 LORONG SUNGAI BATU 3, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: YUSMUN BIN MAJID - 6911207**** 1-4-8 TAMAN KUMBAR PERMAI, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TEOH ENG HOE - 51012307**** 352-9-8 GAT LEBUH MACALLUM 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZANARIAN BINTI AZIZAN - 87050807**** NO. 52 LORONG SERI DESA 9, TAMAN SERI DESA 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 2	: MOHD RABBILASUAD BIN ZAINOL ABIDIN - 73021602**** NO 4 SOLOK PERWIRA 4, TMN PERWIRA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 11524 NUR ATIKAH BINTI SHUHAIMI - 90070107**** 3025, LORONG KENARI MERAH 1, TAMAN PKNK, JALAN TUN RAZAK 05200 ALOR STAR, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11527 OOI YIT BOON - 87101907**** 3-4-2 GENTING COURT CONDO, OFF JALAN GENTING KLANG 53300 SETAPAK, KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 11535 FARAH ADILLAH BINTI SHAIK MAHMAD - 92021607**** NO.37 PERSIARAN BUKIT JAMBUL 1, JALAN TUN DR AWANG, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11542 NOORAZLAN BIN OSMAN - 87041135**** 42 LORONG SEMBILANG 28, 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 1	: SHUHAIMI BIN ABDULLAH - 59091607**** 3025 LORONG KENARI MERAH 1, TAMAN PKNK, ALOR SETAR 05200 KEDAH	Penjamin 1	: OOI ENG KEE - 57031807**** BLOK A-4-01 LORONG EMAS 1, TAMAN EMAS, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: ZUBAIDAH BINTI YUSOFF - 59052807**** NO.37 PERSIARAN BUKIT JAMBUL 1, JALAN TUN DR AWANG, RELAU 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SABRIAH BINTI ISMAIL - 63101407**** 40 LORONG SUNGAI BATU 3, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHD NOOR BIN MOHAMUD - 80101807**** 3529 PERMATANG TOE LABU 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: LIM CHOOON THEAN - 61022307**** BLOK A-4-01 LORONG EMAS 1, TAMAN EMAS, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: FARAH NADIAH BINTI SHAIK MAHMAD - 87083135**** NO.37 PERSIARAN BUKIT JAMBUL 1, JALAN TUN DR AWANG, RELAU 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: AZHAR BIN HUSSIN - 65051007**** 40 LORONG SUNGAI BATU 3, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11544 NURLIYANA BINTI MOHD PISAL - 89120907**** 1444 PERMATANG SUNGAI DUA, 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11545 FARAH BINTI SUHAIMI - 89091807**** NO. 74C, KUARTERS SRK FRANCIS LIGHT, JALAN PERAK, GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11546 MAHDZIR BIN BAHRUDIN - 76110207**** 7-3-14 TINGKAT TELUK KUMBAR, BANDAR BARU TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11550 AFIFAH BT ABD RAZAK - 91012007**** 1624 MUKIM 20, KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: MOHD KAMAL BIN MOHD NOR - 67070407**** NO.18 LORONG SERI INDAH 3, TAMAN SERI INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: NORRIZAH BINTI MURAD - 59050107**** 74-C JALAN PERAK, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MAHADIN BIN BAHRUDIN - 73062507**** TS 471 KAMPUNG BARU 14100 SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 1	: FARIDAH BINTI YAHAYA - 58031507**** 1624 MUKIM 20, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2	: KARIMAH BINTI MOHD NOR - 77121907**** 1444 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: SAILAN BIN A WAHAB - 65103102**** 16-3A-7 SRI NIBONG APARTMENT, JALAN TUN DR AWANG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD MODZNI BIN SAMSUDIN - 76111408**** 340 TAMAN MUTIARA, JALAN MUTIARA 3, SUNGAI KOB, KARANGAN 09700 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: NORRIZAH BINTI HASSAN - 64101007**** 1677 JALAN TELOK AIR TAWAR, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 11552 KISHORRI A/P BALAKRISHNAN - 88051935**** 43 LORONG SEJAHTERA JAYA 2, TAMAN SEJAHTERA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11558 MOHD FAIRUS BIN ABDULLAH - 85111216**** 1448 MUKIM 14, KAMPUNG KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11562 FAZLINNA BINTI MOHD FADZIL - 79080207**** NO. 5, BATU 24, PERMATANG SIMPOR 34950 BANDAR BAHRU, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11569 SITI NOORAZIZAH BT MANSOOR - 71022027**** KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA PETALING JAYA, NO. 12 JALAN TEMPLER 46000 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1	: BALAKRISHNAN A/L MUTHIU - 53082107**** 43 LORONG SEJAHTERA JAYA 2, TAMAN SEJAHTERA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: NORAINI BINTI IBRAHIM - 61061602**** 1448 MUKIM 14 KAMPUNG KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: ZULMAIDI BIN SHAHABUDIN - 71101607**** NO.454A KAMPUNG AMAN, POKOK SENA 13220 KEPALA BATAS, SPU.	Penjamin 1	: AHMAD ZULKIFLE BIN HU MOHD ZAIN - T374*** 27 JALAN SUNGAI ARA 2, TAMAN SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2	: VINOVTHRIR A/L GUNASEGAR - 88010835**** 37 JALAN SAUJANA 1/5, TAMAN SAUJANA INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: NORHAZIZAH BINTI ABD MALEK - 89042007**** 5763 MUKIM 9 JALAN TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: CHE AMAH BINTI TAIB - 57032402**** NO. 2 LORONG PAUH 7, TAMAN PAUH, JALAN BARU, 13700 PERAI	Penjamin 2	: NORRIZAH BINTI HASSAN - 64101007**** 27 JALAN SUNGAI ARA 2, TAMAN SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11571 SITI SHAFIQAH BINTI ARIS - 90112207**** NO. 23 LORONG 40, TAMAN PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 11572 SITI ZULAIHA BINTI MOHAMAD - 91042702**** NO.4083 PADANG CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 11573 PAVITHRA A/P THENGAMANI - 91110307**** E2-12-11, TELUK INDAH, BANDAR PERAI JAYA 2, 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11574 SHANGKHAREE A/P NADARAJAN - 89120707**** NO. 16 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH 13700 PERAI
Penjamin 1	: MASHITAH BINTI ARIS - 82120602**** A-T04-U06, 5R4, JALAN PSA/5, PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA	Penjamin 1	: SALWAHANIM BINTI MOHAMAD - 77072307**** NO.4083 PADANG CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: THENGAMONY A/L VELLOO - 58121308**** BLOK E2-12-11 TELUK INDAH, BANDAR PERAI JAYA 2, 13700 PERAI	Penjamin 1	: USHA DEVI A/P MUNIANDY - 55070607**** NO. 16 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH, 13700 PERAI
Penjamin 2	: MUNIRAH ATIRAH BINTI ARIS - 84040902**** NO.23 LORONG 40, TAMAN PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 2	: IZHAM HANIFF BIN IBRAHIM - 76101507**** NO.883 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: KUMAR A/L MUNIANDY - 74102408**** BLOK A-2-03 LORONG WIDURI 1, WIDURI APARTMENT 12200 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: DEEPAK RAJ SINGH A/L LETCHUMANANA SINGH - 85020102**** NO.18 KAMPUNG JURU, JURU, 14100 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 11576 MOASHIMAN A/L CHANDRA - 86112535**** 60 LINTANG SEMBILANG, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11579 LOGESWARAN A/L GOPAL - 90061908**** 128 JALAN SERI EMAS, TAMAN SERI EMAS 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 11585 LUQMAN NUL HAKIM BIN AZIZAN - 8702235**** NO. 71, JALAN MERBAU 2/6, TAMAN MERBAU 08600 TIKAM BATU, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11586 NUR AKMAR BINTI AZMAN - 86041256**** 16 LINTANG NELAYAN MK B, KUALA SUNGAI PINANG 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MOHD NAZLAN BIN NAYAN - 72111204**** NO.26 LORONG 26, TAMAN INTAN CEMPATAK 14100 BATU KAWAN, SPS	Penjamin 1	: THIAGARAJAN A/L GOPAL - 86071638**** 128 JALAN SERI EMAS 1, TAMAN SERI EMAS 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: MOHAMMAD FADZLAN BIN AZIZAN - 84091402**** F-1-10 TAMAN PERMATA FADSON, JINJANG UTARA 52100 KEPONG, KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: IZZAIDI BIN YAHAYA - 82052407**** NO.121 JALAN BESAR 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2	: MOHD IZMIR BIN MOHD JAMIL - 61030307**** NO. 62 A LORONG MERBAU INDAH 8, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: NARAIYANA A/P GOPAL - 83072008**** NO.128 JALAN SERI EMAS, TAMAN SERI EMAS 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: NUR HAFIZAH BINTI AZIZAN - 81012702**** D/A RUMAH SEWA HU HASAN, JLN PENGKALAN SG. ITAU, MK AYER HANGAT 07000 LANGKAWI, KEDAH	Penjamin 2	: MOHD MISBAH BIN MD OSMAN - 61032407**** NO.11 SOLOK NELAYAN 1, KUALA SUNGAI PINANG 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11589 SITI AMINAH BINTI RAHIM - 89101907**** 8 LORONG PALA 2, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14100 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11590 KRISHNA A/L SOCKALINGAM - 86031135**** NO.7 LORONG KELISA EMAS 1, TAMAN KELISA MUTIARA 13700 SEBERANG JAYA	No Akaun Peminjam	: 11592 PRAVIN KUMAR A/L CHANDRASEGARAN - 91011607**** 319 KAMPUNG BENGGBALI, SUNGAI PUYU, 13200 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11595 DAARSHINI A/P RAJU - 92121607**** BLOCK 1-17-03, LINTANG LEMBAH PERMAI 4, 11200 TANJUNG BUNGA, PULAU PINANG
Penjamin 1	: SALEH BIN RAHIM - 78042110**** 8 LORONG PALA 2, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14100 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: VEERAKUMARAN A/L SHANMUGAM - 74050307**** NO. 17 JALAN LAMPAM, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI	Penjamin 1	: CHANDRASEGARAN A/L J SOOSAY - 53042207**** 319 KAMPUNG BENGGBALI, SUNGAI PUYU, 13200 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: RAJU A/L MARIE MUTTO - (MENINGGAL DUNIA) 1-17-03 LINTANG LEMBAH PERMAI 4, TANJUNG BUNGA 11200 PULAU PINANG
Penjamin 2	: AZMI BIN JAMALUDIN - 57061409**** 16 LORONG ALMA JAYA 1, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SALIM BIN ABD RAHIM - 62122505**** PT 4137 JALAN TS 1/13, TAMAN SEMARAK, NILAI 71800 NEGERI SEMBILAN	Penjamin 2	: MOGAN A/L SUBRAMANIAM THEVAR - 86110935**** BLOK 1D-2-1 LEBUHRAYA THEAN TEIK, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: RAJEEV A/L MAREEMUTTO - 65022107**** A-G-06 BLOK A, TAMAN SRI SETIA, LEMBAH PERMAI, TANJUNG BUNGA 11200 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11600 SITI SARAH FARHANA BINTI HUZAIR - 91110602**** NO. 9 LORONG NALURI 1, TAMAN NALURI 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11603 CHONG EAN JEE - 90041107**** 30, HALA NIBONG, BAYAN BARU, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11604 NUR IZZATI BINTI MALIK - 88050108**** 17 LRG. GUAR PERAHU INDAH 1, TMN GUAR PERAHU INDAH, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11607 NORFARHANA ZUHALI BINTI MURAD - 83101607**** NO.69 JALAN BAYU 35, BANDAR SERI ALAM 81750 MASAI, JOHOR
Penjamin 1	: OMAR BIN OTHMAN - 62051307**** B-31 JALAN SEJATI 3/1, TAMAN SEJATI INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: NEON KOOI KHIM - 63102207**** NO.30 HALA NIBONG, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 1195				



PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN: “Saya ❤️ Pulau Pinang”

HADIAH UTAMA
Pertama: RM500
Kedua: RM300
Ketiga: RM200



**SAYA ❤️
PULAU PINANG**
#UntukNegeriKita

- Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
- Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
- Salz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 42 cm).
- Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
- Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
- Setiap set penyertaan perlu bertemakan "Saya ❤️ Pulau Pinang" dan mempunyai hashtag, #UntukNegeriKita.
- Borang butiran maklumat perlbadil peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
- Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajur adalah tidak sah.
- Semua karya adalah hak milik pengajur.
- Tarikh tutup penyertaan, **31 Julai 2017**.

Sila isi butiran berikut:

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

No. Telefon : (Rumah) (Bimbbit) :

Emel:

Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
 Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>



Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11638 : MUHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL MAJID - 88080707**** 785 LORONG 2/1A TAMAN SRI WANG, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11642 : MOHD HAFIZI BIN KAMARUZZAMAN - 88090107**** NO. 83 LORONG 8/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 11643 : MUHAMMAD AZRUL ANUAR BIN YAHYA - 89081207**** 1-6-15 DESA PINANG 2, LEBUH SUNGAI PINANG 7, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11648 : NUR HAQIQAH BINTI ZULKIFLI - 92060307**** 1251 MK 9 KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MUHAMMAD AL-AMIN BIN ABDUL MAJID - 92012307**** 785 LORONG 2/1A, TAMAN SRI WANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: BADRULZAMAN BIN KAMARUZZAMAN - 78032003**** 83 LORONG 8/SSI, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 1	: MUHAMMAD HAFIZ BIN YAHYA - 88050907**** 62-2-14 PINANG COURT 2, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZAITON BINTI AMIR - 67050607**** 1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2	: FATIMAH BINTI MOHD ALI - 51053002**** 785 LORONG 2/1A, TAMAN SRI WANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: KARTINI BINTI KAMARUZZAMAN - 84081907**** NO. 93 KAMPUNG PERAK, BUKIT SELAMBAU, SUNGAI PETANI 08010 KEDAH	Penjamin 2	: MOHD AZMI ADAM BIN HUSSAIN - 76020807**** 3-E BATU UBAN, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZAHARAH BINTI AMIR - 64060207**** 1105E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JLN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11655 : NOR FAIZUL BIN MOHD NOOR - 74022607**** NO. 164 LORONG MERAWAN 5/3, TAMAN MERAWAN, KULIM 09000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11656 : NADIAH IDAYU BT MD JALALUDDIN - 88032107**** M-G-3 FLAT UDA FASA 4A, TANJUNG TOKONG 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11659 : SUKANYA A/P BASKARAN - 93080507**** 1-M, JALAN TUN MOHD SALLEH ISMAIL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11662 : SHAHRIZANI AZRAF BIN ABDUL SANI - 84090707**** 35 PERSIARAN CINTA SAYANG, KELAB CINTA SAYANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1	: NORAMIZAN BINTI AB RASHID - 75032802**** NO.164 LORONG MERAWAN 5/3, TAMAN MERAWAN 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: LIYANA MASTURA BINTI MD JALALUDDIN - 83061807**** NO. 8 JALAN 8/35F, TAMAN SERI BANGI, SEKSYEN 8, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR	Penjamin 1	: AMARAPATHY A/P ANGUSAMY - 68032407**** 1-M JALAN TUN MOHAMMED SALLEH ISMAIL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SHAHRYIL AZRAF BIN ABDUL SANI - 80051902**** 35 PERSIARAN CINTA SAYANG, KELAB CINTA SAYANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2	: NOR IKHSAN BIN MOHD NOOR - 85032907**** NO.2381 SIMPANG TIGA 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA.	Penjamin 2	: SAIRULDIN BIN IBRAHIM - 83060803**** NO. 8 JALAN 8/35F, TAMAN SERI BANGI, SEKSYEN 8,BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR	Penjamin 2	: BHAVAANTI DEVI A/P BASKARAN - 89030207**** 1-M JL TUN MOHD SALLEH ISMAIL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOOR AKMAL BIN NOORAIN - 70062007**** NO.2 LORONG BLM 3/17, BANDAR LAGUNA MERBUK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11665 : SAIFOLNIZAM BIN HASHIM - 75042007**** G-UG-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11667 : AINU'R NADWA BINTI AHMAD RIDZWAN - 92081607**** 1633 KAMPUNG AMAN, 13220 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11668 : HENG CHOOON HOW - 80041508**** 90-8-3 LORONG SEREMBAN 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11673 : AHMAD FAISAL B. AHMAD FAZIEL - 89050107**** 598Q,JALAN LEMBAH PERMAI, TANJONG BUNGAH 11200 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: SABARINA BINTI ABU BAKAR - 76050407**** G-UG-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR	Penjamin 1	: AHMAD RIDZWAN BIN MOHD SALLEH - 60110507**** NO.1633 KAMPUNG AMAN 13220 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA.	Penjamin 1	: CHIAM PEI SHAN - 81021007**** NO. 42 LORONG TEMBAGA, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: AHMAD FAZIEL BIN SHAMSUDIN - 69031407**** NO.598-Q JALAN LEMBAH PERMAI 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
Penjamin 2	: HELMI BIN HASHIM - 85092407**** 318A MUKIM 6, PONDOK UP EH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: HASNAH BINTI ABDUL HALIM - 61051502**** NO.1633 KAMPUNG AMAN 13220 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA.	Penjamin 2	: YAP KWAI PING - 75111214**** NO. 26 GAT LEBUH ACHEH, 10300 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MUHAMMAD ZAKARIA BIN MOHAMED SAAD - 83070607**** NO.590B JALAN LEMBAH PERMAI 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11578 : JAYANTHI A/P VASHU - 83111107**** D93A SRI JATI 2, NO. 6 JALAN SRI JATI, TAMAN SRI JATI OFF JLN PUCHONG 58200 KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: SIVA KUMAR A/L KUMARAN - 76062402**** D-9-3A SRI JATI II CONDO, JALAN SRI JATI, (NO. 6) OFF JLN PUCHONG, TMN SRI JATI 58200 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 11596 : MOHD HAZIQ AKMAL BIN ZULKUFLI - 91113007**** 198 KG TERSUSUN KLEBANG SELATAN, BATU 6, JALAN IPOH/CHEMOR 31200 IPOH, PERAK	Penjamin 1	: 11673 : AHMAD FAISAL B. AHMAD FAZIEL - 89050107**** 598Q,JALAN LEMBAH PERMAI, TANJONG BUNGAH 11200 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: JEEVAN A/L KANESAN/GANESHAMORTY - 76031308**** B-12-6 SRI JATI II, CONDOMINIUM JALAN SRI JATI, (NO.6) OFF JLN PUCHONG, TAMAN SRI JATI, 58200 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: 11596 : MOHD HAZIQ AKMAL BIN ZULKUFLI - 91113007**** 198 KG TERSUSUN KLEBANG SELATAN, BATU 6, JALAN IPOH/CHEMOR 31200 IPOH, PERAK	Penjamin 2	: 11596 : MOHD HAZIQ AKMAL BIN ZULKUFLI - 91113007**** 198 KG TERSUSUN KLEBANG SELATAN, BATU 6, JALAN IPOH/CHEMOR 31200 IPOH, PERAK	Penjamin 2	: 11673 : AHMAD FAISAL B. AHMAD FAZIEL - 89050107**** 598Q,JALAN LEMBAH PERMAI, TANJONG BUNGAH 11200 GEORGETOWN, PULAU PINANG

PEN 33, lonjakan penjenamaan ‘Powered in Penang’

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BATU MAUNG - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa projek bangunan Ibu Pejabat *Solid State Lighting* (SSL), Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi OSRAM Opto Semiconductor (Malaysia) Sdn. Bhd. (OSRAM) turut menerima suntikan dana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sejumlah RM15.5 juta.

Mengulas lanjut, beliau berharap, hasrat Kerajaan Negeri itu akan menggamt lebih ramai pelabur ke Pulau Pinang, malah menyediakan kira-kira 300 lagi peluang pekerjaan berpendapatan tinggi baru-baru kelak.

“Pulau Pinang akan terus meningkatkan penumpuan terhadap projek-projek perkongsian awam swasta (PPP) dalam menarik lebih ramai pelabur serta pelaburan semula.

“Bangunan baharu PEN 33 ini merupakan satu lagi lonjakan kepada penjenamaan ‘Powered in Penang’,” katanya dalam Majlis Perasmian Pembukaan Bangunan Baru PEN 33 tersebut di sini baru-baru

ini.


Ketika berucap, Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut merakamkan penghargaan atas kesetiaan OSRAM yang melabur di negeri ini sejak 45 tahun lalu.

“Dan, saya berkenan untuk melihat kerjasama ini terjalin untuk 45 tahun akan datang,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Tambah beliau, bangunan baharu ‘PEN 33’ dengan luas lantai 6,500 meter persegi merupakan reka bentuk moden demi memenuhi citarasa pelaburan terpilih serta berdaya saing yang berhasrat ke negeri ini.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Pengoperasian (COO) OSRAM, Jascha Ortmanns memberitahu, pihaknya yakin ‘PEN33’ akan menambah ‘kekuatan’ OSRAM di Pulau Pinang, terutamanya dalam memenuhi permintaan pasaran bagi SSL.

“Dengan 77 peratus pasaran di Asia, OSRAM turut menyasarkan ia berkembang pada kadar 80 peratus menjelang tahun 2020 di rantau ini.



KETUA MENTERI sambil ditemani Jascha Ortmanns (kiri sekali) menandatangani plak lukisan khas sebagai menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Bangunan Baharu PEN 33 tersebut di sini baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif *investPenang* (IP), Loo Lee Lian; Pengurus Besar OSRAM, Dr. Roland Mueller dan Ketua Pegawai Kewangan OSRAM, Ingrid Jaeger turut serta majlis berkenaan.

Difahamkan, OSRAM bertapak di Zon Perindustrian Bebas (FTZ) Bayan Lepas pada 1972 dengan menggunakan nama Litronix sebelum bergabung bersama Siemens pada tahun 1981.

NORTHERN WALK
@ KEPALA BATAS, S.P.U.

JENIS A
KEDAI / PEJABAT 3 TINGKAT

JENIS B
KEDAI / PEJABAT 2 TINGKAT

HAKMILIK KEKAL
5% diskau untuk bumiputra

KEDAI PEJABAT BINA KONTEMPORARI DI KEPALA BATAS, BUTTERWORTH.

JALAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI

Artist's Impression

JENIS A

KEDAI / PEJABAT 3 TINGKAT
Keluasan Tanah ±1,190 k.p. ke atas
Keluasan Bangunan ±3,369 k.p.
harga dari **RM 1,000,000.00** ke atas
(Termasuk GST)

JENIS B

KEDAI / PEJABAT 2 TINGKAT
Keluasan Tanah ±1,130 k.p. ke atas
Keluasan Bangunan ±2,056 k.p.
harga dari **RM 680,000.00** ke atas
(Termasuk GST)

MOTOR PARK & CAR PARK YANG DISEDIAKAN

Dasar Pengasingan Sisa Di Punca kawal pertumbuhan sampah domestik

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

SUNGAI PINANG – Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula kini diwartakan di Pulau Pinang berhubung tatacara pengurusan sampah.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, tempoh setahun telah berlalu apabila Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) menjalankan pelbagai program pendidikan kepada masyarakat berhubung pengasingan sisa sejak 1 Jun 2016.

“Sejak dilaksanakan (1 Jun 2016), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menggunakan pendekatan mendidik masyarakat meliputi pelbagai kategori seperti kediaman bertanah, kediaman bertingkat, kompleks membeli-belah, hotel, industri dan sebagainya.

“Semua pihak berkepentingan ini telah diberikan tempoh masa yang mencukupi untuk membiasakan diri dengan

menjalankan pengasingan sisa pepejal, terutamanya dalam kalangan pemilik atau penghuni premis serta Badan Pengurusan Bersama (JMB),” ujarnya ketika ditemui pada Majlis Perasmian Pengasingan Sisa Di Punca dekat 86 Avenue Lorong Perak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Jeff Ooi Chuan Aun (Ahli Parlimen Jelutong), Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya MBPP) dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Tambah beliau, undang-undang kecil tersebut adalah sebahagian daripada polisi Kerajaan Negeri untuk memberi kesedaran alam sekitar kepada masyarakat dengan meningkatkan kadar kitar semula serta mengurangkan kadar beratan sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan.

Kon Yeow memberitahu, pertambahan penduduk sebanyak dua peratus setiap tahun yang meningkatkan pertumbuhan dari segi penjanaan sampah (setiap tahun).

“Namun, sejak pelaksanaan dasar ini, MBPP berjaya mengawal pertumbuhan



CHOW Kon Yeow (empat dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan demonstrasi pengasingan sisa di punca pada majlis yang diadakan di 86 Avenue Lorong Perak di sini baru-baru ini.

dari segi sampah domestik yang dilupuskan ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong.

“Walaupun berlaku pertambahan populasi dan pembangunan, namun purata

sampah yang dilupuskan adalah konsisten.

“Purata sebanyak 907.61 tan sehari dilupuskan pada tahun 2016, berbanding 607.03 tan sehari (2015) bagi kawasan pentadbiran MBPP,” jelasnya.

Kem Hijau, medium untuk melestarikan alam

ISTILAH ada menyebut, ‘Mencegah itu lebih baik daripada mengubati’. Adalah tidak syak lagi bahawa apa juga langkah pencegahan perlu diambil untuk melestarikan alam sekitar kita agar ianya dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Sehubungan itu, Penang Green Council (PGC) dengan kerjasama Malaysia Hindu Sangam Bukit Bendera Council telah menganjurkan satu lagi Kem Hijau pada tahun ini. Kem ini turut mendapat sokongan daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Jalan Sungai. Kem Hijau ini merupakan kem yang ketiga bagi tahun 2017 dan ianya telah dikendalikan dalam Bahasa Tamil. Seramai 50 peserta yang berumur antara 9 sehingga 12 tahun telah menyertai kem ini.

Kem Hijau merupakan program



yang dikhaskan untuk kanak-kanak mempelajari asas-asas kemampunan dan



50 peserta dari SJKT Jalan Sungai merakam gambar kenangan bersama-sama barisan pengajur.

peranan mereka terhadap kelestarian alam sekitar dalam tempoh yang singkat. Selaras dengan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, modul Kem Hijau ini memberi keutamaan terhadap pengasingan sisa di punca di samping pengetahuan mengenai penjimatatan air dan tenaga. Para peserta bukan sahaja memperoleh ilmu pengetahuan malahan mereka juga berpeluang untuk mempelajari cara membuat beg sendiri menggunakan kertas dan pakaian lama.

Eksekutif Program dan Projek Penang Green Council, Renuka Radakrishnan berkata, “kem Hijau ini merupakan kem pendidikan yang menyerokkan kerana ianya bukan sahaja melibatkan aktiviti di dalam kelas malahan juga aktiviti di luar kelas. Kem ini bertujuan untuk memupuk

pemahaman para peserta tentang hubungan saling pergantungan antara manusia dan alam sekitar.

PGC merupakan sebuah pertubuhan bukan berdasarkan keuntungan (NPO) yang ditubuhkan untuk memupuk dan memberi kesedaran dan pendidikan alam sekitar di Pulau Pinang. PGC telah menganjurkan beberapa siri program jaringan komuniti seperti Kem Hijau, Kem Hijau Muda, Bengkel Kepenggunaan, Kem Remaja, dan W3 Bengkel Wanita & Alam Sekitar sebagai usaha untuk mendekati masyarakat. Bagi mereka yang berminat untuk menjadi pihak pengajur bersama, sila hubungi kami di 04 – 250 3322/3321 atau e-mel: info@pgc.com.my.



PARA peserta dan ahli jawatankuasa pengajur menunjukkan beg kertas yang dihasilkan pada pengajuran Kem Hijau baru-baru ini.

Hasil sumbangan, PGC.

SESETENGAH yang berbadan gempal percaya perlu tunggu ‘kucing bertanduk’ dahulu, barulah boleh memiliki tubuh ideal.

Nak berjoging atau ‘workout’, bimbang cedera pada bahagian lutut dan sebagainya.

Kalori dalam badan mesti dibakar habis-habisan, karbohidrat seperti nasi pastinya ‘diharamkan’ tidak kira pada sesi sarapan hatta jamuan tengah hari dan malam.

Itu, belum mengambil kira apa orang sekeliling nak ‘kata’, apabila melihat tubuh ‘memboyot diheret’ ke sana dan ke mari di taman rekreasi awam.

Siti Khairul Madaniah Ismail, 32, berkongsi pengalamannya memburu berat badan ideal 55 kilogram (kg).

“Sesetengah orang, khususnya wanita yang impikan berat badan yang lebih ideal kerana didorong oleh pasangan hidup agar dilihat lebih ramping, cantik dan seksi.

“Suatu pagi saya bangun dan terdetik untuk menurunkan berat badan...saya iklhaskan niat untuk memiliki badan yang lebih sihat dan saya tak peduli apa orang nak kata kepada saya,” ringkas perkongsian Siti Khairul Madaniah, baru-baru ini kepada wartawan Buletin Mutiara, Zainulfaqar Yaacob.

Beliau bekerja di Pejabat Penasihat Undang-Undang di Bangunan Persekutuan dekat Jalan Anson sejak tahun 2010.

“Saya masih ingat berat badan saya ketika mula-mula bekerja adalah 103kg.

“Setelah berazam untuk menurunkan berat pada 1 Januari 2016, terlebih dahulu melakukan pembacaan mengenai cara-cara diet yang betul.

“Setiap orang memerlukan cara diet yang bersesuaian dengan dirinya tanpa perlu mengikut orang lain.

“Secara prinsipnya, petua diet

adalah bergantung 80 peratus kepada cara pemakanan, manakala 20 peratus lagi adalah teknik senam yang betul.

“Justeru,) saya tidak terus melakukan aktiviti senaman secara ekstrem.

“Sebaliknya, saya memilih untuk berjalan di Persiaran Karpal Singh sahaja, dengan ditemani oleh rakan serumah.

“Setiap hari saya berjalan di sana, saya tak peduli apa orang nak cakap dan nak lihat, sebab niat saya nak badan yang sihat,” jelasnya.

Kini, erat badannya adalah 60kg, hingga menarik perhatian Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng untuk dikongsikan dalam akhbar Buletin Mutiara.

“60kg ini bukan berat sasaran, iaitu berat ideal sesuai dengan ketinggian.

“Sihat ya lah, saya sasar berat badan turun lagi sehingga 55 kg,” katanya.

Selepas dua bulan berjalan di Persiaran Karpal Singh, barulah beliau menyusun aktiviti senam dan jogging di Taman Perbandaran, Taman Botani atau Bukit Bendera.

“Untuk mendapat badan yang lebih sihat, saya ditemani kawan serumah atau sepejabat turut mencabar diri dengan menyertai acara larian atau mendaki Bukit Bendera seperti baru-baru ini,” jelas beliau.

Hobi

Siti Khairul Madaniah memberitahu hobinya pada waktu lapang adalah aktiviti menyelam skuba.

“(Menyelam Skuba) ini aktiviti terbaru saya sejak bulan April lepas, saya ada lesen.

“RM180 sahaja menyelam skuba di Pulau Langkawi, dua sesi dan sejam bagi setiap sesi.

Dahulu 103kg, berat Siti Khairul Madaniah kini 60kg



GAMBAR
terkini.

“Sebenarnya, kalori lebih mudah dibakar dengan aktiviti sebegini (menyelam skuba) berbanding berjalan dan berjoging,” ujarnya.

Diet

Siti Khairul Madaniah memberitahu, beliau masih manjamah nasi mengikut keperluan kalori harian yang diperlukan.

“Nasi, saya masih makan seperti biasa, ikut keperluan, cuma tidak mengambilnya selepas jam 7 malam.

“Biasa makan makanan yang tak berminyak, saya masak di rumah, saya banyak makan sayur dan masak ‘mudah-mudah’ sahaja,” katanya.

Pun begitu, tambahnya, pada hari tertentu, beliau makan ‘mewah’ juga, kerana ‘cheat day’ ada disarankan oleh selebriti kesihatan Kevin Zahri sendiri.

Tambah beliau, diet serta senam yang diamalkan juga adalah berdasarkan beberapa pengalaman ringkas menyertai program berkaitan mengurangkan berat badan, sebelum ini.

Nasihat

Paling penting, katanya, adalah mereka yang memburu berat badan ideal mesti mempunyai niat yang jelas.

“Dorongan boleh

datang daripada mana-mana pihak, daripada rakan sepejabat atau teman serumah.

“Tetapi niat mestilah jelas, seperti saya nak turunkan berat badan sebab saya sendiri memilih untuk menurunkan berat demi kepuasan diri sendiri, bukan atas desakan orang lain.

“Sesetengah nak turunkan berat badan sebab nak memenuhi

kehendak pasangan, jika jodoh tak panjang atau selepas kahwin, usaha memburu berat badan ideal mungkin tergendala.

“Kalau ada niat yang betul, nak badan sihat, kita tak kisah apa orang nak kata atau nak lihat, kita akan berusaha untuk memastikan badan kita sihat dengan senam dan amal pemakanan sihat,” ujar Siti Khairul Madaniah.



Berhibur bersama Despicable Me3 di PULAU PINANG



• 22 JUN - 3 SEPT.

- Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth
- 12pm - 10pm (Isnin hingga Jumaat)
- 10am - 10pm (Sabtu dan Ahad)

Tayangan Cahaya Bintang



mypenang.gov.my/dm3



SITI Khairul Madaniah Ismail (kiri) ketika berat badan mencapai 103kg.

Pengaruh Ejen Pelepasan Diliktif oleh Disokong oleh





"Untuk wanita berumur 35 ke atas"

*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda



1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia
mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka ini bersamaan dengan **700,000 orang!**

BUKA UNTUK PENDAFTARAN

*ANGGARAN KELUASAN KASAR 1,450KP

RM742,000

KE ATAS

*ANGGARAN KELUASAN TERMASUK PLANTER DAN A/C LEDGE



Jadual Mammo Penang 2017

	Sabtu	Bahagian Pulau	Seberang Perai	Ahad	Bahagian Pulau	Seberang Perai
Julai	1	Batu Uban	Machang Bubok	2	Komtar	Pmtg Berangan
	8	Sambutan Ulang Tahun Kelahiran TYT		9	Air Itam	Teluk Air Tawar
	15	Paya Terubong	Sungai Acheh	16	Bagan Dalam	Sungai Dua
	22	Sungai Pinang	Sungai Puyu	23	Teluk Bahang	Penaga
	29	Pantai Jerjak	Penanti	30	Tanjong Bungah	Seberang Jaya
Aug	5	Batu Maung	Perai	6	Padang Kota	Bukit Tambun
	12	Seri Delima	Sungai Bakap	13	Air Putih	Bagan Jermal
	19	Pulau Betong	Berapit	20	Pengkalan Kota	Padang Lalang
	26	Dato Keramat	Bertam	27	Pulau Tikus	Jawi
Sep	2	Hari Raya Haji		3	Paya Terubong	Sungai Acheh
	9	Batu Lanchang	Pmtg Pasir	10	Kebun Bunga	Bukit Tengah
	16	Malaysia Day		17		
	23	Bayan Lepas	Machang Bubok	24	Batu Uban	Pinang Tunggal
Oct	30	Komtar	Pmtg Berangan	1	Bagan Dalam	Sungai Dua
	7	Air Itam	Teluk Air Tawar	8	Paya Terubong	Sungai Acheh
	14	Teluk Bahang	Penaga	15	Sungai Pinang	Sungai Puyu
	21	Tanjong Bungah	Seberang Jaya	22	Pantai Jerjak	Penanti
	28	Padang Kota	Bukit Tambun	29	Batu Maung	Perai
Nov	4	Air Putih	Bagan Jermal	5	Seri Delima	Sungai Bakap
	11	Pengkalan Kota	Padang Lalang	12	Pulau Betong	Berapit
	18	Pulau Tikus	Jawi	19	Dato Keramat	Bertam
	25	Kebun Bunga	Bukit Tengah	26	Batu Lanchang	Pmtg Pasir
Dec	2	Batu Uban	Machang Bubok	3	Bayan Lepas	Pinang Tunggal

BUKA UNTUK PENDAFTARAN

*ANGGARAN KELUASAN KASAR 1,450KP

RM742,000

KE ATAS

*ANGGARAN KELUASAN TERMASUK PLANTER DAN A/C LEDGE

HAK MILIK KEKAL
5% DISKAUN BUMIPUTERA

SKYRIDGE GARDEN

Sumbangan ‘Emas’ diteruskan, meskipun tanpa pelaksanaan GST - Guan Eng



SEBAHAGIAN penerima Program Penghargaan Emas bergambar bersama-sama Ketua Menteri serta tetamu kehormat lain pada Majlis Penghargaan i-Sejahtera Peringkat Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

SEBERANG JAYA – Seramai 488 penerima Program Warga Emas terpilih diraikan dalam satu majlis penyampaian sumbangan di bawah Program Kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, i-Sejahtera bagi kawasan Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Penyampaian sumbangan disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang turut ditemani Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin yang juga merupakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan

Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Zulkifli Long turut sama hadir.

Ketika berucap, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan memastikan pemberian sumbangan RM100 setahun sekali dan bantuan kewangan lain kepada mereka yang layak di negeri akan diteruskan, meskipun tanpa pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

“Hal ini dikatakan demikian kerana berlandaskan pengurusan kewangan dan urus tadbir Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) yang diamalkan oleh pentadbiran ini serta rekod kewangan yang memberangsangkan sejak 2008,” katanya pada majlis berkaitan.

Dalam majlis sama, Guan Eng turut menyampaikan sumbangan kewangan RM1,000 secara ‘one-off’ kepada 12 waris warga emas yang telah meninggal dunia.



DR. Wan Azizah Wan Ismail (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang warga emas sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) dan Zulkifli Long.

GLO-WALK

2017

A WALK IN THE PARK

22 JULAI 2017

6ptg - 10mlm
TAMAN BELIA
(Youth Park)

DAFTAR SEKARANG

Daftar online di
www.techdomepenang.org/glo-walk

📞 04-2626663 or 016-411 9779

📠 [techdomepenang](#)

✉ glo-walk@techdomepenang.org

Endorsed by



Supported by



Bajet MBPP 2018, pandangan dan input masyarakat dirujuk

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : SHUM JIAN-WEI

SUNGAI PINANG – Ke arah pembangunan sebuah bandar lestari, pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berperanan sebagai penyedia perkhidmatan menjadi kunci kejayaan kepada Agenda 2030 diterajui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Selaras dengan agenda tersebut, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selaku PBT yang berurusan secara langsung dengan komuniti mengambil inisiatif mengadakan dialog bersama-sama masyarakat bagi memperoleh input serta maklumat yang bakal diguna pakai dalam pelaksanaan Bajet MBPP 2018.

Yang di-Pertua MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, penganjuran program Dialog Bajet 2018 merupakan kesinambungan daripada Banci Kaji Selidik Bajet ‘Suara Anda, Hak Anda’ yang sedang dijalankan oleh MBPP sejak April lalu.

“Dialog ini melibatkan sesi perbincangan yang dibahagikan kepada empat teras utama iaitu sihat, bersih dan hijau, selamat serta kemudahan awam.

“Bajet dialog ini adalah selari dengan Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari diterajui PBB yang umumnya menjadi kunci utama kepada kejayaan agenda ini.

“Oleh itu, segala maklumat daripada hasil perbincangan yang diadakan akan dirujuk semasa perancangan bajet MBPP tahun hadapan,” ujarnya pada Dialog Bajet MBPP 2018 anjuran bersama MBPP dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Ling.

Hampir 100 peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza etnik, kumpulan umur dan pendidikan terlibat sama dalam proses menentukan bajet berkaitan.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam sesi Dialog Bajet MBPP 2018 di sini baru-baru ini.

Upah buruh asing, PR sebagai pembantu tukang masak di gerai MPSP bersyarat - YDP

SEBERANG JAYA - Buruh asing dan mereka yang mendapat pemastautin tetap (PR) boleh diambil bekerja sebagai pembantu tukang masak sahaja di gerai-gerai milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), tetapi mesti mengikut syarat terbaru yang digariskan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif mengumumkan ketetapan itu, susulan mengambil kira hasil kaji selidik lapangan yang dilaksanakan baru-baru ini.

“Mereka hendaklah mematuhi semua keperluan dan dokumen ditetapkan oleh Undang-Undang Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi melakukan pekerjaan.

“Pembantu atau pasangan berstatus warganegara asing atau pemastautin tetap (PR) hendaklah mematuhi syarat dan keperluan Jabatan Kesihatan Malaysia, iaitu suntikan TAB dan kehadiran ke Kursus Asas Pengendalian Makanan, jika berkaitan premis makanan.

“Dilarang mengambil warga asing sebagai tukang masak,” jelasnya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta barisan Ahli Majlis bagi PBT berkenaan turut serta sidang media tersebut.

Menurut Maimunah, pembaharuan dasar terdahulu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Penguatkuasaan MPSP pada 13 Mac lalu dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Penuh pada 30 Mac lepas.

“Bagaikan manapun, memandangkan dasar tersebut mendapat tentangan daripada peniaga, Majlis telah mengkaji semula dasar berkenaan dengan mengambil kira pandangan dan cadangan yang diperoleh melalui kaji selidik Majlis bermula pada 27 April hingga 10 Mei 2017,” katanya sambil memberitahu bahawa dasar terbaru berkenaan adalah lebih longgar berbanding sebelumnya.

Tambah Maimunah, cadangan dasar terbaru tersebut akhirnya diluluskan dalam Mesyuarat Penuh pada 29 Mei lalu.

Bagi premis perniagaan masakan laut, tambah beliau, jumlah pembantu berstatus warganegara tempatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah semua pekerja ketika waktu restoran atau premis terbabit beroperasi,” respons Maimunah.

Pun begitu, katanya, buruh asing dan PR dilarang bekerja sebagai pembantu penjaja di semua pasar malam, *uptown*, pasar tani, bazaar Ramadan, penjaja bergerak atau penjaja statik, serta trak makanan atau



MAIMUNAH Mohd. Sharif.

trak perkhidmatan.

“Bagi penjaja di kompleks penjaja swasta, jumlah pekerja warganegara tempatan mestilah sekurang-kurangnya 30 peratus ketika beroperasi,” respons Maimunah.

Tegasnya, dasar terbaru berkenaan mula dilaksanakan pada 1 Julai ini.

“Tindakan rampasan terhadap barang perniagaan milik penyewa gerai Majlis dan pemegang lesen untuk dijadikan sebagai eksibit kes pendakwaan di mahkamah, jika gagal mematuhi pelaksanaan dasar,” ujarnya.

Reka bentuk bangunan baharu perlu dilengkapi sistem ‘hijau’, nyah haba - YDP

SEBERANG JAYA - Mulai 1 Ogos ini, pelan reka bentuk bangunan baharu berkeluasan lebih 4,000 meter persegi yang dipohn kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mestilah dilengkapi sistem nyah haba secara semulajadi serta kurang menggunakan tenaga untuk tujuan pendinginan haba.

Atas maksud itu, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, pihaknya saling bekerjasama dengan Persekutuan Bangunan Hijau Malaysia (MGBC) untuk memberi pemahaman kepada pemaju dan arkitek berkenaan *Overall Thermal Value* (OOTV).

“MPSP juga komited melaksanakan UKBS Pindaan 2016 Seksyen 38A dan 38B bagi semua permohonan pembangunan baharu mulai 1 Ogos ini.

“Ianya juga merupakan cara terbaik untuk mencapai hasrat Kerajaan Negeri dalam mengutamakan perancangan pembangunan yang mampu berkonsepkan GBI (Index Bangunan Hijau),” katanya dalam persidangan tersebut di sini baru-baru ini.

Tambah Maimunah, kemestian reka bentuk bangunan baharu atau yang diubah suai dengan ruangan hawa dingin melebihi 4,000 meter persegi mematuhi beberapa syarat berwajib adalah berdasarkan Seksyen 38A dan 38B Undang-undang Kecil Berseragam (UKBS) pindaan 2016.

Sehingga kini, jelas beliau, sebanyak 18 bangunan seluruh Seberang Perai dianugerahkan GBI.

Selain Ahli-ahli Majlis bagi MPSP, Pengerusi MGBC Northern Chapter, Datuk Ar. Lawrence Lim dan Timbalan Pengurus MGBC Northern Chapter, Baylon Tham turut serta persidangan tersebut.

Meriahkan Perayaan Warisan George Town 2017



PERAYAAN Warisan George Town 2017 akan diadakan pada 7 hingga 9 Julai 2017 bertempat di Tapak Warisan Dunia George Town dengan tema “Walk the Talk: Oral Traditions and Expressions”.

Ianya merupakan acara tahunan Negeri Pulau Pinang untuk meraikan pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia George Town pada 7 Julai 2008.

Sambutan ulang tahun pengiktirafan yang ke-9 ini dianjurkan oleh *George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)* dengan sokongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sejak tahun 2014, perayaan ini telah direkabentuk dengan tema-tema

kebudayaan yang khusus antaranya kraf, makanan perayaan serta permainan dan sukan tradisional. Tahun ini, Perayaan Warisan George Town akan menekankan aspek yang hampir tidak kelihatan namun amat penting dalam kehidupan harian iaitu tradisi dan ekspresi lisan.

Sebelum wujudnya perkataan bercetak, komuniti di seluruh dunia telah menggunakan pelbagai bentuk tradisi dan ekspresi lisan untuk menyebarkan ilmu, nilai-nilai sosial dan budaya serta kenangan kolektif. Tradisi-tradisi tersebut meliputi pelbagai bentuk pertuturan termasuk peribahasa, teka-teki, puisi, mitos, persempahan dramatik dan cerita rakyat yang biasanya dikongsi semasa perayaan dan sambutan kebudayaan serta melalui asuhan dan tabiat yang dipupuk di rumah.

Dengan tema Tradisi dan Ekspresi Lisan, GTWHI berharap dapat memberi ilham kepada orang ramai untuk memelihara tradisi mereka melalui amalan yang berterusan. Perayaan Warisan George Town 2017 akan berkongsi pelbagai cerita, pengalaman-pengalaman hidup dan tradisi-tradisi lisan daripada 13 komuniti melalui 5 program berlainan yang direka berkisar kepada empat elemen komunikasi iaitu pertuturan, penulisan, membaca dan menyanyi.

Selain itu, perayaan tahun ini menuju ke arah acara yang lebih mesra alam dan inklusif. Kita amat komited untuk mengurangkan pembekalan buangan plastik ‘non-biodegradable’ dengan menyeru kerjasama para pelawat dan sukarelawan untuk membawa botol plastik milik sendiri ke ‘Street Festival’ yang akan diadakan pada petang 8 Julai 2017. Stesen air yang mencukupi akan disediakan untuk kegunaan orang ramai sekitar tapak perayaan.

Komuniti orang kurang upaya (OKU) juga tidak akan dilupakan kerana kita mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan kesedaran



STREET Festival 2014 di Khoo Kongsi.



MASJID Kapitan Keling.

berkaitan penyertaan sosial individu-individu tersebut. Satu drop-off point yang mesra kerusi roda akan disediakan di persimpangan Lebuh Carnarvon dan Lebuh Acheh untuk membolehkan akses orang kurang upaya ke ‘Street Festival’. Di samping itu, satu sesi ekslusif untuk program ‘Walky Talky George Town’ akan diadakan pada 14 Julai 2017 untuk warga-warga OKU yang berminat. Kami berharap melalui usaha-usaha tersebut, lebih ramai orang akan bergandingan bahu untuk memelihara warisan dan memuliakan warisan budaya kita bersama.

Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran acara, sila rujuk kepada Facebook Page Perayaan Warisan George Town di www.facebook.com/GeorgeTownCelebrations.

5658 5157; publicist.hc@gtwhi.com.my
(Teks & Gambar: Ihsan GTWHI).




KANAK-kanak bermain catur dengan sukarelawan pada Street Festival 2016.



MASJID Melayu Lebuh Acheh.

Hubungan Media:
Cik Chuah Ai Kheng (+6012-431 0507;
akchuah@gtwhi.com.my)
Cik Lee Qi (+6011



7 – 9
JULY 2017

Perayaan Warisan George Town
喬治市八達慶典
സൗംഗ് ടൗൺ ഓറാൾ ട്രാഡിഷൻസ്
பெരாயான் வரிசன்



Naik taraf longkang Jalan Jelutong, Jalan Madrasah, ADUN harap selesai masalah limpahan air

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : SHUM JIAN-WEI

SUNGAI PINANG – Sejumlah RM35,000 diperuntukan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi kerja-kerja menaik taraf longkang serta melencangkan laluan air di Jalan Jelutong dan Jalan Madrasah di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata, kerja-kerja menaik taraf tersebut adalah bagi membendung masalah limpahan air terutama ketika hujan lebat.

“Longkang di Jalan Jelutong dan Jalan Madrasah ini kerap kali tersumbat kerana keadaan fizikalnya yang tertutup dan menyukarkan kerja-kerja pembersihan dijalankan.

“Jadi, saya harap dengan kerja-kerja menaik taraf ini, ia mampu menyelesaikan masalah limpahan air yang kini menyebabkan banjir kilat,” katanya ketika melawat kerja-kerja menaik taraf di hadapan premis No. 595-C hingga No. 569 Jalan Jelutong baru-baru ini.

Turut sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang yang juga ADUN Batu Lancang dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Dalam pada itu, Siew Khim turut meminta penduduk sekitar Jalan Jelutong dan Jalan Madrasah serta pengguna laluan berkaitan supaya bersabar serta mematuhi arahan lalu lintas dari masa ke masa.

“Kerja-kerja menaik taraf ini mengikut jadual dan dijangka siap pada 6 Julai 2017.

“Saya harap orang ramai, khususnya dari Kedai Kopi Lum Wah hingga ke Restoran Nasi Kandar Ali Ameer supaya berhati-hati dan bersabar sepanjang kerja-kerja dilakukan kerana ia adalah untuk keselesaan pada masa hadapan,” serunya.

Difahamkan, kerja-kerja menaik taraf turut merangkumi penukarannya kotak aliran bersaiz 300 milimeter (mm) x 300mm dan 450mm x 450mm sepanjang 77 meter di Jalan Jelutong dan di Jalan Madrasah (15 meter).

Komponen lain, pembinaan laluan pejalan kaki sepanjang 95 meter, kerja-kerja pengalihan utiliti serta penurapan semula jalan.



LIM Siew Khim (kanan sekali) ketika meninjau kerja-kerja menaik taraf longkang yang giat dijalankan dekat Jalan Jelutong di sini baru-baru ini.

TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0
每日无免费塑胶袋 2.0
mulai 01 Mac 2017 自2017年3月1日起

Pasaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.
霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快食店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

Pendaftaran boleh dilakukan di:
可在以下地点登记:

- Bahagian Pelesenan MBPP,
Dewan Bandaraya, Jalan Padang
Kota Lama, 10200 Georgetown,
Pulau Pinang.
槟岛市政厅执照部门
- Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran
Seberang Perai, Jalan PERDA Utama,
Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.
威省市政局一站式柜台



Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程（Agenda Ekonomi Saksama，AES）计划来作为全槟的除贫基金。



Sebarang Pertanyaan / 任何询问:

Bahagian Pelesenan, MBPP / 槟岛市政厅执照部: 04 - 263 8818
Bahagian Pelesenan, MPSP / 威省市政局执照部: 04 - 549 7414

Sumbangan Ibu Emas manfaat 58,170 penerima seluruh negeri – Hon Wai

PENGHARGAAN... Seramai 58,170 suri rumah menerima sumbangan penghargaan bernilai RM100 menerusi Program Ibu Emas daripada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan baru-baru ini.

Perkara tersebut dimaklumkan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai ketika meninjau sesi pembayaran program Ibu Emas dekat sebuah bank di Air Itam di sini.

“Ini merupakan dividen anti rasuah, hasil tender terbuka dan Kerajaan Negeri yang Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) dalam mentadbir negeri

Pulau Pinang.

“Ini juga hasil lebihan yang kita (Kerajaan Negeri) capai dan ‘dipulangkan’ kepada rakyat sebagai tanda penghargaan,” katanya ketika ditemui di lokasi.

Hon Wai dalam pada itu menyatakan bahawa Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam mencatatkan 1,246 penerima.

“Justeru, saya juga ingin menyeru suri rumah di bawah usia 60 tahun, sekiranya belum memohon, boleh kemukakan permohonan di pusat-pusat khidmat (ADUN) Pakatan Harapan,” kata beliau.



WONG Hon Wai (tengah, berkemeja putih) bergambar kenangan dengan para penerima sumbangan Program Ibu Emas di sini baru-baru ini.

Penjaja mangsa ribut terima bantuan khemah jaja segera



MOHD. Rashid Hasnon berjabat tangan dengan Yusof Saari sambil ditemani para penerima lain dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Sumbangan Bantuan Segera Berupa Khemah Jaja di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR
YAACOB**

PENAGA - Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyatakan bahawa pemberian bantuan segera berupa khemah jaja dapat meringankan ujian hidup 12 mangsa yang terlibat dalam kejadian ribut dekat Pasir Gebu di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga baru-baru ini.

Sebelum Hari Raya Aidilfitri, beliau berharap, urusan pembayaran pampasan sehingga kadar maksimum RM5,000 menerusi dana Tabung Bencana TYT, kepada semua mangsa kira-kira 180 pihak dapat diselesaikan.

"10 khemah kita serah kini kepada penjaja yang terlibat dalam kejadian ribut, manakala dua khemah di bawah peruntukan MMK Keusahawanan turut

disumbangkan.

"Sebenarnya, yang turut mengalami kerosakan akibat bencana ribut ini juga adalah rumah-rumah penduduk, kira-kira 180 pihak.

"Dari dana Tabung Bencana TYT, maksima yang boleh dituntut adalah sebanyak RM5,000 dan ia bergantung pada (proses) taksiran (kerugian bencana), dan saya minta proses ini dipercepatkan kerana Hari Raya Aidilfitri," katanya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat, semasa melawat kawasan bencana serta menyampaikan bantuan segera berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak.

ASINGKAN SISA ANDA

Kesulitan kini demi keselesaan pada masa hadapan

SISA KITAR SEMULA

RECYCLABLES / 可循环物 /

மறுசூழ்சி செய்ய

முடிந்த கழிவுகள்



SISA BAKI

GENERAL WASTE / 垃圾 /

குப்பைகள்



f Penang Green Council

Tingkat 46, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.
tel. +604 250 3322 faks. +604 250 3323
emel. info@pgc.com.my laman web. www.pgc.com.my

YUSOF SAARI, 47, penjaja ayam siap proses merupakan antara mangsa kejadian ribut pada 12 Jun lalu, kira-kira 4.30 pagi di sini.

Ditemui kemudian, mangsa terabit memberitahu, beliau menganggarkan kerugian termasuk kemusnahan khemah adalah kira-kira RM1,500.

"Sejurus kejadian, pegawai telahpun

membuat taksiran (kerugian akibat bencana ribut).

"Pemberian khemah oleh Dato' TKMI (Mohd. Rashid) tentulah begitu banyak membantu saya menjaya dalam beberapa hari Ramadan ini, di samping buat persiapan raya," ujarnya sambil memuji pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin.... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA
CAGARAN &
PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG


SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN





Sila isi butiran berikut:

Nama :
 No. My Kid/ Kad Pengenalan:
 Alamat:
 Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga:
 No. Telefon : (Rumah) (Bimbbit) :
 Emel:

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 April 2017** hingga **31 Julai 2017**.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. P瀷erta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil karya adalah hak milik pengajar.
6. Keputusan pengadil adalah mutlak.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajar adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.